

PKBN LANDASAN LAHIRKAN GENERASI BELIA BRUNEI SIAP SIAGA

■ Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

TEMBURONG, Isnin, 17 Februari. - Pencapaian latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) seperti pengambilan-pengambilan sebelumnya, terus-menerus menerapkan nilai-nilai murni dan jati diri dengan mengekalkan calak kebruneian dalam melahirkan generasi belia Brunei yang siap siaga

selaku pemacu pembangunan negara.

Melalui program ini, para pelatih diharapkan akan lebih bersedia dalam menghadapi cabaran kehidupan seharian dengan mengamalkan apa yang telah mereka pelajari.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-13, yang diadakan di Padang Kawad, Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, hari ini.

>> Muka 4

Berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia

■ Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi ASEAN.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi ASEAN. Menyertai Yang Amat Berhormat semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra, selaku Ketua ASEAN Chairman Advisory Group.

- Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



Pengisytiharan kawasan ruang udara terhad

■ Siaran Akhbar : Jabatan Penerbangan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Jabatan Penerbangan Awam ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sebagai langkah-langkah tambahan sekuriti dan keselamatan, kawasan dalam lingkungan tiga batu nautika (5.56 kilometer) radius di lokasi yang disenaraikan di bawah adalah diisytiharkan sebagai kawasan ruang udara terhad iaitu pada 17, 22, 23 dan 26 Februari 2025.

Bagi Daerah Temburong bertempat di Padang Kawad Program Khidmat Bakti Negara, pada 17 Februari 2025; manakala

bagi Daerah Brunei dan Muara bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (BSB) pada 22 Februari 2025, Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, BSB pada 23 Februari 2025 dan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, BSB pada 26 Februari 2025.

Di bawah pengisytiharan berkenaan, pesawat-pesawat termasuk dron (pesawat udara kawalan jauh), tidak dibenarkan beroperasi di ruang udara berkenaan kecuali yang mendapat keizinan.

Kegagalan untuk mematuhi peraturan

berkenaan dianggap sebagai pelanggaran undang-undang dan peraturan Negara Brunei Darussalam, di bawah Seksyen 51 Perintah Penerbangan Awam, 2006.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Ketua Bahagian Regulatori, Jabatan Penerbangan Awam menerusi talian +673 2330142 sambungan 1455 atau e-mel unmanned.aircraft@dca.gov.bn.

Jabatan Penerbangan Awam mengucapkan terima kasih kepada orang ramai atas kerjasama dan mematuhi pengisytiharan berkenaan.



Berita Utama



JPM anjur Majlis Doa Kesyukuran

Muka 15



KUKUHKAN kerjasama NBD, Malaysia dalam hal-hal perundangan

Muka 17



TINGKATKAN pengetahuan, kemahiran dalam penggunaan bahasa isyarat

Muka 25



RENCANA

PENGALAMAN menyambut Ramadan di NBD

Muka 27

Pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM sempurna, teratur



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dalam sembah alu-aluan pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi pada Selasa, 11 Februari 2025 di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Blok 'E', Kompleks Bangunan YSHHB.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een

DENGAN penuh hormat dan takzim, Hamba Duli Tuanku secara peribadi dan mewakili Ahli-ahli Jemaah Tadbir, Lembaga Pengarah dan Pegawai-pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), terlebih dahulu sukacita menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia perkenan Duli Tuanku untuk berangkat ke Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi pada pagi ini.

Keberangkatan Duli Tuanku ke majlis ini, mencerminkan tanda keprihatinan yang sangat mendalam dan berterusan Duli Tuanku, ke atas usaha YSHHB, khasnya dalam menyempurnakan hajat paduka ayahanda Duli Tuanku, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk bersedekah secara khusus iaitu kurnia peribadi berupa buah kurma sempena bulan Ramadan Al-Mubarak 1446 Hijrah yang tidak lama lagi akan menjelang tiba.

Disebarkan pada tahun ini, YSHHB, telah membuat pembelian kurma iaitu jenis Safawi sebanyak 159.5 tan metrik dari syarikat pembekal di Riyadh, Arab Saudi iaitu Syarikat Al Mohamadia Dates. Kurma yang keseluruhannya berjumlah sebanyak 531,666 (Lima ratus tiga puluh satu ribu, enam ratus enam puluh enam) kotak kecil, akan dibahagi-bahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk Islam, termasuklah pekerja-pekerja asing yang beragama Islam di negara ini. Seperti lazimnya sifir pembahagian adalah satu kotak kecil dengan berat 300g bagi setiap orang yang beragama Islam tanpa mengira umur.

Seperti pada tahun lepas, penghantaran kurma kali ini adalah kali ke-2 dengan menggunakan jalur Pelabuhan Dammam, Arab Saudi berikutan krisis berlarutan hingga kini di persekitaran Laut Merah. Alhamdulillah, penghantaran kurma pada tahun ini, menggunakan kapal laut dengan dua kali pelayaran yang membawa keseluruhan 11 unit kontena berhawa dingin (*chilled container*).

Dengan penuh hormat dan takzim dengan penuh kesyukuran, sukacita Hamba Duli Tuanku menyebarkan bahawa

pengurniaan kurma tahun ini adalah masuk tahun ke-30 sejak dari tahun 1995 YSHHB telah diamanahkan untuk menguruskan pengendaliannya dan Alhamdulillah sehingga kini, pengagihannya telah pun dilaksanakan dengan sempurna dan teratur. Ini adalah atas usaha dan kerjasama padu daripada jabatan-jabatan daerah melalui penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan sebahagian syarikat-syarikat swasta.

Di kesempatan ini juga Hamba Duli Tuanku, dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih, Kehadapan Majlis paduka ayahanda Duli Tuanku, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di atas limpah kurnia baginda yang sangat-sangat bermakna dan istimewa ini dan abis Hamba Duli Tuanku terus mendoakan semoga paduka ayahanda Duli Tuanku dan ahli-ahli kerabat diraja, sentiasa berada di bawah pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat sejahtera dan kekal karar, memerintah di atas singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan

pimpinan bijaksana lagi berdaulat serta diredai di bawah petunjuk dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala jua, Amin.

>> Muka 17

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	RABU	20	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
20	KHAMIS	21	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
21	JUMAAT	22	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
22	SABTU	23	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.53	6.34	7.44
23	AHAD	24	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
24	ISNIN	25	5.05	5.15	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	SELASA	26	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.51	6.34	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
30 24 °C	31 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
31 24 °C	32 23 °C	32 24 °C	
Pekan Tutong			
30 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
30 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 19 FEBRUARI 2025

Belia aset berharga

SETIAP negara pasti mengharapkan untuk mempunyai rakyat yang mampu menyumbang ke arah kemajuan, kejayaan, keamanan dan kemakmuran bagi membangun negara. Dalam hasrat dan cita-cita kita untuk membangun ummah, bangsa dan negara, kita bukan hanya bergantung kepada harta benda bahkan juga kepada sumber tenaga manusia iaitu rakyat dan penduduk di negara ini khususnya golongan belia.

Belia merupakan aset yang amat berharga serta tonggak dan kekuatan masa depan negara. Maju atau mundurnya sesebuah negara itu bergantung kepada keupayaan, kesanggupan, kebolehan dan ketokohan para belia dalam mencapai pembangunan negara lebih-lebih lagi Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu, golongan belia perlu diasuh, dididik dan diberikan bimbingan yang betul dan sempurna sehingga mereka menjadi golongan yang beriman, berilmu, beramal dan mempunyai akhlak mulia berpandukan ajaran Islam.

Sejarah Islam telah mencatatkan bahawa golongan belia Islam pada zaman silam mempunyai kehebatan dan sumbangan yang besar ke arah kejayaan dan kegemilangan Islam pada zaman tersebut. Perkara ini perlu menjadi contoh dan teladan bagi golongan belia hari ini untuk melakar kejayaan agama, bangsa dan negara.

Belia merupakan pewaris yang bakal menjadi pemimpin dan memikul tanggungjawab bagi menerajui negara di masa hadapan. Oleh itu, untuk melahirkan belia yang berkualiti dan mampu untuk membangun serta memajukan negara memerlukan belia yang cemerlang. Kecemerlangan yang dimaksudkan adalah bersifat menyeluruh sama ada dari aspek duniawi mahupun ukhrawi yang akan melahirkan generasi yang beriman dan bertakwa.

Antara perkara yang perlu menjadi pegangan belia untuk menjadi belia yang rajin berusaha dan berinovasi serta cemerlang dalam hidup adalah seperti mempunyai keimanan yang teguh dan tidak mudah goyah iaitu beriman kepada rukun iman yang enam dan negara kita perlukan belia yang mempunyai kekuatan dalaman dan luaran tanpa mengenal erti takut atau gentar dan berfikir secara positif untuk sentiasa rajin berusaha dan berinovasi bagi mencapai cita-cita dan matlamat sendiri mahupun untuk agama, bangsa dan negara.

Seterusnya, belia-belia hendaklah sentiasa berkerja keras tidak kenal penat dan lelah. Agama Islam tidak mengalakkan umatnya bersikap meminta-minta tetapi Islam menekankan supaya umatnya berusaha dengan titik peluh sendiri.

Belia yang sanggup berkorban demi mencapai kejayaan dan kemenangan sama ada berkorban masa, harta dan tenaga. Tanpa pengorbanan seseorang itu tidak mungkin akan dapat mencapai kecemerlangan dan kejayaan dalam kehidupan.

Oleh itu, bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan negara kita ini agar berterusan dan sentiasa membangun dari semasa ke semasa, kita amat memerlukan golongan pelapis iaitu golongan belia kerana merekalah yang bakal menggantikan bagi meneruskan usaha dalam membangun ummah dan negara di masa hadapan. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN MENERIMA MENGADAP PERDANA MENTERI MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim serta rombongan dan seterusnya berbincang mengenai perkembangan dalam ASEAN (atas dan kanan).

>> Muka 1

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah berbincang

mengenai perkembangan dalam ASEAN, termasuk persiapan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 yang akan menjadi tuan rumah kepada Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 dan Ke-47 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang dijadualkan berlangsung pada tahun ini. Menyertai Yang Amat

Berhormat semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra, selaku Ketua ASEAN Chairman Advisory Group.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof. Selesai Majlis Mengadap

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dalam siri

lawatan bagi mengadakan perjumpaan bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, yang didahului dengan perjumpaan bersama Kebawah DYMM, selaku pemimpin yang paling senior dalam ASEAN.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan rombongan (atas kanan, kanan sekali) manakala gambar atas dan kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari dan seterusnya mengucapkan selamat jalan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan rombongan.



PKBN landasan lahirkan generasi belia Brunei siap siaga

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan berbesar hati mengucapkan syabas kepada seramai 367 orang Pelatih PKBN Pengambilan Ke-13 di atas persembahan perbarisan yang kemas dan bersemangat.

Dalam titah, baginda mengambil maklum bahawa dalam PKBN Pengambilan Ke-13 ini, PKBN sekali lagi melakar sejarah dengan kesemua para pelatih berjaya menamatkan latihan PKBN dengan baik, selamat dan sempurna.

"Antara faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian ini ialah penerapan Program 'Pre-Conditioning And

Injury Management' pada dua minggu pertama latihan dijalankan sebagai nilai tambah kepada para Pelatih PKBN," titah baginda.

Melalui inisiatif ini titah baginda lagi, ia telah dapat memastikan para pelatih mempunyai daya tahan kecergasan fizikal, mental dan rohani dalam menempuh cabaran latihan PKBN ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah mengambil maklum semasa Pengambilan PKBN Ke-13 ini, beberapa modul latihan baharu telah diperkenalkan iaitu Program Keugamaan dan Kerohanian serta Khidmat Komuniti Kepimpinan Islam, Sejarah dan Tamadun Islam, Kesihatan Mental dari Perspektif Islam dan Program Pemedulian Golongan-golongan Sasaran.

Baginda bertitah, penambahan ini bertujuan untuk memantapkan lagi ilmu pengetahuan, kesedaran serta keprihatinan para pelatih terhadap isu-isu penting dan kontemporari bagi mempersiapkan mereka dalam mengharungi cabaran-cabaran terkini dan akan datang.

"Beta percaya dengan evolusi serta transformasi PKBN ini akan dapat menghasilkan lebih ramai lagi belia yang berintegriti, berdisiplin, bertanggungjawab dan berdaya tahan," titah baginda.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13.



MEMPERKASA KEMAHIRAN ALUMNI PKBN, LAKSANAKAN PROGRAM BKBN

TEMBURONG, Isnin, 17 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melihat, sudah tiba masanya untuk latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) diteliti semula akan tempoh latihannya, kiranya dapat dilaratkan kepada enam bulan.

Baginda bertitah, penambahan tempoh ini akan memberikan jangka masa latihan yang lebih kondusif dan mencukupi bagi mencapai matlamat utama latihan PKBN.

"Ianya juga akan memperluas ruang untuk para pelatih

menjalani latihan yang lebih efektif, komprehensif dan teratur," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-13, yang diadakan di Padang Kawad, Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, hari ini.

Di samping itu, titah baginda lagi, mereka juga akan dapat menyesuaikan diri dengan kadar intensiti latihan secara berperingkat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah

melahirkan harapan supaya agensi-agensi yang berkepentingan sama ada sektor kerajaan, swasta dan Badan Persatuan Bukan Kerajaan (NGOs) akan dapat memberikan sokongan dan komitmen sepenuhnya bagi menjayakan serta merealisasikan perancangan ini.

Di kesempatan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah sukacita turut mengambil maklum bahawa buat julung kalinya seramai 15 Alumni PKBN telah kembali untuk menyumbangkan khidmat mereka semula sebagai jurulatih yang diiktiraf di dalam bidang kemahiran kawad dan kemahiran latihan jasmani melalui Program 'Train-the-Trainers'.

Baginda bertitah, program ini

telah sekali mampu untuk memperkasa kemahiran (up-skilling) para Alumni PKBN dalam membantu mengendalikan serta melaksanakan program-program di bawah Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN).

Pada masa yang sama titah baginda, ia merupakan satu inisiatif untuk membuka peluang pekerjaan dan seterusnya menjadi rancangan penggantian (succession planning) dalam jangka masa panjang BKBN.

Kebawah DYMM bertitah melahirkan harapan agar program ini akan dapat diteruskan dengan lebih ramai penyertaan daripada Alumni PKBN lainnya.

Dalam mengakhiri titah, baginda juga bertitah

merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua para Pelatih PKBN Pengambilan Ke-13 atas pengorbanan, ketekunan dan dedikasi mengharungi liku-liku cabaran latihan dengan jayanya.

Baginda juga bertitah merakamkan penghargaan kepada para ibu bapa dan penjaga serta ahli-ahli keluarga para pelatih di atas suntikan semangat, bimbingan dan sokongan padu mereka yang berterusan.

Baginda bertitah mendoakan agar para pelatih dan semua yang terlibat dalam melaksanakan program ini akan memperoleh berkat, hidayah dan sentiasa di dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala.



PARA Pelatih PKBN yang berjaya menamatkan latihan diraikan pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-13 yang diadakan di Padang Kawad, Kem Latihan PKBN.

367 PELATIH PKBN TAMAT LATIHAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13 di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong (kiri), manakala gambar atas, baginda berkenan memeriksa Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-13 yang terdiri daripada seramai 367 pelatih, iaitu 253 lelaki dan 114 perempuan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Isnin, 17 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti

Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13 di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Padang Kawad, Kem Latihan PKBN dijunjung oleh

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), DCP Dato Seri Pahlawan

Awang Sulaiman bin Alidin; dan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Upacara dimulakan dengan Hormat Diraja dan disusuli dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) 'Allah Peliharakan Sultan'.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah kepada para Pelatih Terbaik PKBN Ke-13 (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah kepada Pelatih Terbaik PKBN Ke-13 (atas). Manakala gambar kanan, baginda berkenan menerima tabik hormat.

>> Muka 5

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-13 yang terdiri daripada seramai 367 pelatih, iaitu 253 lelaki dan 114 perempuan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya menerima tabik hormat daripada perbarisan yang berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat.

Baginda kemudian berkenan mengurniakan titah dan mengurniakan anugerah kepada enam Pelatih Terbaik PKBN Ke-13, iaitu Pelatih Lelaki Terbaik Kawad, 14406 Pelatih

Muhammad Shahroni bin Haji Md. Kanderishah; Pelatih Perempuan Terbaik Kawad, 14342 Pelatih Noor Syafiqah Fazlyiah binti Muhammad Redzuan; Pelatih Lelaki Terbaik Jasmani, 14426 Pelatih Muhammad Fakhrudin bin Abdullah; Pelatih Perempuan Terbaik Jasmani, 14445 Pelatih Amira Farzana binti Mohammad Johardi; Pelatih Lelaki Terbaik

Keseluruhan, 14562 Pelatih Mohd. Alif Khan bin Othmawee; dan Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan, 14563 Pelatih Annisha Suraya binti Razali. Upacara diteruskan dengan laungan 'Tiga Kali Daulat' untuk Kebawah DYMM, diikuti dengan bacaan Doa Selamat.

Sebelum beredar dari Padang Kawad, Lagu Kebangsaan NBD dimainkan, diikuti dengan Perbarisan Tamat Latihan berjalan lalu dan keluar dari

padang perbarisan. Kebawah DYMM kemudian berangkat menuju ke Ruang Legar, Blok 1, Kem Latihan PKBN bagi menyaksikan Pameran Program 'Train-the-Trainers' Siri 01 yang disertai oleh seramai 15 Alumni PKBN sebelum baginda dijunjung berangkat ke Bilik Tetamu 1, Blok 1, Kem Latihan PKBN bagi Santap Ringan.

>> Muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemer duli dan beramah mesra bersama Pelatih-pelatih Terbaik PKBN Pengambilan Ke-13 (atas). Sementara gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat menuju ke Ruang Legar, Blok 1, Kem Latihan PKBN bagi menyaksikan Pameran Program 'Train-the-Trainers' Siri 01 yang disertai oleh seramai 15 Alumni PKBN. Manakala gambar bawah kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah. Sementara gambar bawah, sekitar Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-13.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 6

Baginda seterusnya berkenan bercemar duli dan beramah mesra bersama Pelatih-pelatih Terbaik PKBN Pengambilan Ke-13.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menandatangani Buku Lembaran Kenangan sempena

keberangkatan baginda di Ruang Legar, Blok 1, Kem Latihan PKBN.

Sebelum meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dijunjung berangkat bagi sesi bergambar ramai bersama para pelatih dan seterusnya berkenan menerima pesambah sempena

keberangkatan baginda ke kem latihan berkenaan di Dewan Kuliah, Blok 4, Kem Latihan PKBN.

Keberangkatan Kebawah DYMM ini menunjukkan keprihatinan baginda terhadap perkembangan belia di negara ini terutama kepada para Pelatih

PKBN.

Di samping itu, ia juga menyuntik semangat para pelatih untuk terus aktif memainkan peranan sebagai belia yang berdikari, berdisiplin, berwawasan, berhemah, bertakwa dan syumul, selain terus mengaplikasikan apa yang

dipelajari sepanjang program setelah tamat menjalani PKBN agar dapat menabur bakti dan meningkatkan rasa patriotisme dan cinta terhadap negara, bangsa dan agama sesuai dengan hasrat penubuhan PKBN.

>> Muka 8



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berbual mesra dan seterusnya menerima pesambah sempena keberangkatan baginda ke kem latihan berkenaan di Dewan Kuliah, Blok 4, Kem Latihan PKBN (atas dan kanan). Sementara gambar bawah tengah dan bawah kanan, antara yang hadir pada upacara berkenaan.



DOA Selamat dibacakan pada upacara tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai bersama Pelatih Terbaik PKBN Ke-13 (kanan), manakala gambar atas, baginda berkenan menandatangani Buku Lembaran Kenangan.

>> Muka 7

Juga hadir ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr.

Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Sejak PKBN ditubuhkan, ia telah menghasilkan seramai 4,552 alumni termasuk jumlah Alumni PKBN Pengambilan Ke-13.

Program pada kali ini telah dikendalikan serta dilaksanakan bermula 17 November 2024 dan akan berakhir pada 27 Februari 2025 nanti.

Mereka ini dilatih oleh pegawai, jurulatih dan tenaga kerja yang

telah diperbantukan dari ABDB, Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB), PPDB, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP); Outward Bound Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU),

sukarelawan - sukarelawan profesional dan jurulatih-jurulatih daripada Program 'Train-the-Trainers' yang dibantu oleh Alumni PKBN bagi sama-sama menjayakan program berkenaan.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah (atas dan bawah kanan), manakala gambar kiri dan gambar bawah kiri dan bawah tengah, orang ramai tidak melepaskan peluang untuk beramah mesra bersama raja yang dikasihi.



TINJAU PERKEMBANGAN 2 BUAH INSTITUSI PENDIDIKAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Sekolah Rendah Rataie.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Isnin, 17 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke dua buah sekolah rendah di Daerah Temburong, seurus selepas Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13, hari ini.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Baginda memulakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bokok, Kluster 1.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Rendah Rataie dijunjung oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Rohayati binti Haji Abd. Kadir.

Pada keberangkatan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama murid-murid dan juga tenaga-tenaga pengajar sekolah.

>> Muka 10



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama pelajar-pelajar dan meninjau kelas-kelas sekolah serta berkenan dijunjung untuk bergambar ramai (atas sekali kanan, atas, kiri, bawah kiri dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung untuk sesi bergambar ramai bersama guru, pelajar-pelajar dan kakitangan Sekolah Rendah Semabat.

>> Muka 9

Antara tumpuan baginda pada keberangkatan berkenaan ialah bilik-bilik, darjah dan perpustakaan sekolah.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan bergambar ramai dengan murid-murid dan tenaga pengajar sekolah.

Sekolah Rendah Rataie mempunyai keramaian kira-kira 246 murid daripada Darjah Pra hingga Tahun 6 dan mempunyai seramai 26 tenaga pengajar dan 12 kakitangan sekolah.

Sekolah berkenaan mula

beroperasi pada 2 Januari 2014 selepas siap dibina pada Mei 2013 di atas sebidang tanah seluas tujuh ekar.

Sekolah berkenaan antara lain menempatkan Dewan Serbaguna, kantin serta ruang makan, bilik-bilik darjah, bilik khas termasuk Makmal ICT, Science Room dan bilik-bilik COE (untuk murid berkeperluan khas) dan perpustakaan.

Dari Sekolah Rendah Rataie, Kebawah DYMM berkenan meneruskan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Sekolah Rendah Semabat.

Keberangkatan baginda di sekolah berkenaan dijunjung oleh Guru Besar Sekolah Rendah Semabat, Awang Haji Mohamad Firdaus bin Haji Mohamad Aus.

Semasa keberangkatan berkenaan, Kebawah DYMM berkenan beramah mesra bersama murid-murid dan juga tenaga-tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Sebelum berangkat balik, baginda berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama murid-murid dan tenaga pengajar sekolah.

Bangunan Sekolah Rendah Semabat dibina pada 15 Januari 1968. Kemudian, pada 1978, bangunan lama digantikan dengan bangunan konkrit yang masih digunakan hingga kini. Sekolah berkenaan mula

beroperasi pada 6 Januari 1969.

Pada masa ini, seramai 15 murid belajar di sekolah berkenaan dengan sembilan orang tenaga pengajar termasuk guru besar dan enam orang kakitangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama pelajar-pelajar, guru dan kakitangan Sekolah Rendah Semabat (kanan, kiri, bawah kanan dan bawah kiri).



PPDB RAIKAN PUJA USIA DPMM



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dijunjung bagi sesi bergambar ramai. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita (kiri), manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima pesambah. Sementara gambar bawah kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan memotong kek.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri

Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-51 Tahun anjuran

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Berangkat sama pada majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Turut hadir pada majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berserta kerabat diraja dijunjung oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB dan Datin; serta Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammad Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan isteri.

Pada majlis berkenaan, DYTm berkenan untuk menandatangani Lembaran Kenangan dan disusuli dengan sesi bergambar ramai.

Sambutan Puja Usia DYTm

dimeriahkan dengan majlis memotong kek diiringi dengan nyanyian puja usia oleh pasukan koir yang terdiri daripada pegawai-pegawai PPDB.

Setelah itu, DYTm berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis PPDB.

DYTm dan YTM serta kerabat diraja kemudiannya dijunjung ke Pentas Bankuet bagi Majlis Santap.

Seluruh warga PPDB berserta keluarga dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan ucapan Selamat Hari Puja Usia Ke-51 Kehadapan Majlis DYTm serta merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar sentiasa melimpahkan rahmat dan mengurniakan kesihatan kepada DYTm berserta kerabat diraja.



DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima junjung ziarah (atas kiri), manakala gambar atas kanan, DYTm dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri serta kerabat diraja dijunjung ke Pentas Bankuet bagi Majlis Santap.

SEKITAR Majlis Santap Petang sempena Puja Usia DYTm Ke-51 Tahun anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei yang berlangsung di Dewan Bankuet, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong (kiri sekali dan kiri).

MAJLIS SANTAP PETANG RAIKAN HARI PUJA USIA DPMM



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BOLKIAH GARISON, Isnin, 17 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena

Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Ke-51 Tahun anjuran Kementerian Pertahanan, hari ini.

Mengiringi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ialah paduka adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik di Mes Pegawai Bolkiah Garison dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Datin; dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Datin.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berserta paduka adinda kemudian dijunjung untuk menyertai sesi bergambar ramai dan seterusnya disembahkan kepada anggota-anggota ABDB yang mengikuti Penugasan Misi Pengaman di dalam Malaysian Battalion 850-11 (MALBATT 850-11) bagi Misi United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL); anggota-anggota yang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dijunjung untuk menyertai sesi bergambar ramai dan seterusnya disembahkan kepada anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Turut berangkat, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas kiri dan atas kanan).

terlibat dalam Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (HADR) 'Operasi BADAI TADUH' di Republik Filipina; penerima-penerima RBAF Australia's OBOE Endeavour Academic Excellence Award bagi Kursus Maktab Turus ABDB Ke-14 Tahun 2024; pegawai-pegawai yang telah menamatkan Kursus Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) Malaysia Tahun 2024 dan Kursus Lanjutan Maktab Turus di Kolej Maktab Turus Pertahanan New Zealand; pegawai-pegawai pemerintah yang telah terlibat dalam Ekseksais Rim of the Pacific (RIMPAC 2024) di Hawaii,

Amerika Syarikat dan anggota-anggota ABDB yang telah menyertai Pertandingan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa bagi Tentera Kali Ke-10 di Kerajaan Arab Saudi.

DYTM kemudiannya disembahkan dengan tayangan klip video dan sebuah Buku 'Sejambak Ristaan XVIII' yang mengandungi koleksi gambar-gambar kenangan keberangkatan DYTM ke acara-acara Kementerian Pertahanan di sepanjang tahun 2024 hingga Januari 2025.

Majlis disusuli dengan penandatanganan Lembaran Keberangkatan sebelum berangkat ke ruang khas bagi Majlis Santap.

Sambutan Hari Puja Usia DYTM Ke-51 Tahun turut dimeriahkan dengan Upacara Memotong Kek Puja Usia, di mana DYTM juga berkenan menerima pesambah daripada seluruh warga ABDB yang bertemakan 'Integrating Technology Towards a Healthier Lifestyle'.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM dan YTM berserta paduka adinda berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai dan anggota-anggota ABDB.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan memotong Kek Puja Usia (atas), sementara gambar atas kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan. Manakala gambar kiri, DYTM berkenan menerima pesambah.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dan adinda DYTM berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang (atas), manakala gambar kiri, DYTM dan adinda DYTM berkenan menerima junjung ziarah.

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN PUJA USIA



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mendengarkan sembah penerangan ketika berangkat ke Galeri Pesambah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Galeri Pesambah bertempat di East Wing, di mana Sambutan Hari Ulang Tahun Puja Usia DYTМ dimeriahkan dengan Majlis Memotong Kek (atas kanan dan atas kiri).

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Santap sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-51 Tahun yang dianjurkan oleh JPM, pagi tadi.

Berangkat sama pada majlis yang berlangsung di Bangunan JPM itu ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh

Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

DYTМ seterusnya dijunjung untuk bergambar ramai, sebelum berangkat ke Galeri Pesambah bertempat di East Wing, di mana

Sambutan Hari Ulang Tahun Puja Usia DYTМ dimeriahkan dengan Majlis Memotong Kek.

DYTМ juga menerima kad sembah ucapan dari JPM dan pesambah daripada 11 agensi yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi pendidikan tinggi dan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Sejurus selepas itu, DYTМ berangkat ke Dewan Bankuet bagi Majlis Santap yang dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

Turut hadir, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib dan Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Juga hadir ialah Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; jemputan-jemputan khas serta pegawai-pegawai kanan dari JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia DYTМ Ke-51 Tahun, JPM memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengurniakan kesihatan, umur panjang dan kesejahteraan Kehadapan Majlis DYTМ dan juga kerabat diraja.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat ke Majlis Santap sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-51 Tahun. Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas). Manakala gambar bawah, DYTМ dan adinda DYTМ dijunjung bagi sesi bergambar ramai. Sementara gambar kiri, DYTМ berkenan menerima junjung ziarah.



BERLEPAS SELEPAS MENGADAKAN SIRI LAWATAN



PERDANA Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim juga selaku Pengerusi ASEAN serta rombongan berlepas meninggalkan negara selepas siri lawatan bagi mengadakan perjumpaan bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN.

BERAKAS, Selasa, 18 Februari. - Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim juga selaku Pengerusi

ASEAN serta rombongan berlepas meninggalkan negara petang tadi selepas siri lawatan bagi mengadakan perjumpaan bersama

Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi

mengucapkan selamat berlepas ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Menteri Pengiring.

Juga hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Pemangku Pengarah Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penguasa Kanan Polis, Awang Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah.

Semasa siri lawatan ke negara ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim berserta rombongan telah mengadakan kunjungan hormat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

PM Malaysia tiba di NBD



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Selasa, 18 Februari. - Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim serta rombongan tiba di Negara Brunei Darussalam (NBD) pagi tadi dalam siri lawatan

bagi mengadakan perjumpaan bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN.

Hadir ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Menteri Pengiring.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dalam siri



PERDANA Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim serta rombongan tiba di Negara Brunei Darussalam dalam siri lawatan bagi mengadakan perjumpaan bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN (kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Menteri Pengiring hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

lawatan bagi mengadakan perjumpaan bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, yang didahului dengan perjumpaan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku pemimpin yang paling senior dalam ASEAN.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia seterusnya diperkenalkan kepada Pemerintah ABDB, Pemangku Pesuruhjaya Polis dan Pegawai Kedutaan Malaysia.



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja


STATUS
TIDAK DIPERAKURKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

⚠ Sila **sahkan** bahawa maklumat di dalam profil adalah **lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



Doa Kesyukuran, Solat Hajat sempena Puja Usia DPMM



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Solat Hajat.

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-51 Tahun yang dibacakan oleh Guru Agama, Hospital PMMPMHAMB, Pengiran Haji Radiman bin Pengiran Haji Tengah.

TUTONG, Isnin, 17 Februari. - Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) hari ini mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Solat Hajat sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-51 Tahun.

Majlis berlangsung di Surau As-Salam, Hospital PMMPMHAMB, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai serta kakitangan hospital berkenaan.

JPM ANJUR MAJLIS DOA KESYUKURAN



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah sempena memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-51 Tahun (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah sempena memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM Ke-51 Tahun, hari ini.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM tersebut ialah Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri (Sekuriti dan

Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM serta

jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin secara beramai-ramai yang dikepalai oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awang Mohammad Syariff Wafiuddin bin Jemain dan diteruskan dengan bacaan Doa Khas yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Majlis diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu

Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin.

Warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya merafak sembah dan berdoa semoga Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, dikurniakan usia berpanjangan, kesihatan berterusan dan sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala di samping memperoleh kebahagiaan bersama keluarga dunia dan akhirat.



سورھنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

100%

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif

SESI MUZAKARAH KONGSI PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku Pengerusi semasa Sesi Muzakarah tersebut (kiri), manakala gambar bawah kiri, Sesi Muzakarah di antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Februari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Sesi Muzakarah di antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku Pengerusi semasa Sesi Muzakarah tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi

(Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei berserta ketua-ketua jabatan dan bahagian Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Manakala rombongan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah diketuai oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, yang mana juga telah menyampaikan ucapan balas semasa permuzakarah tersebut.

Sesi Muzakarah tersebut merupakan sebuah platform perbincangan serta bertukar-tukar pandangan dan pengetahuan secara konstruktif mengenai kedudukan fiskal negara, perkembangan ekonomi negara dan usaha pemelbagaian ekonomi.

Dalam pada masa yang sama, Yang Berhormat Pengerusi Majlis juga menekankan kepentingan perpaduan dan kerjasama bagi semua pihak termasuk sektor kerajaan, sektor swasta dan masyarakat melalui pendekatan Whole of Nation Approach untuk sama-sama berganding bahu bagi mencapai ekonomi dinamik yang mampan.

Memacu pertumbuhan ekonomi berdaya tahan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa sesi bergambar ramai pada sesi Meja Bulat Ekonomi Brunei bertemakan 'Growing. Diversifying. Together'.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Februari. - Pemimpin terkemuka daripada sektor kerajaan dan perniagaan di negara ini baru-baru ini, berkumpul pada sesi Meja Bulat Ekonomi Brunei bertemakan 'Growing. Diversifying. Together' yang dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC Negara Brunei Darussalam berlangsung di Baiduri Community Space.

Sesi Meja Bulat berkenaan menyediakan platform peringkat tertinggi untuk terlibat dalam perbincangan mengenai masa depan ekonomi Brunei, peluang pelaburan, dan strategik perkongsian untuk memacu pertumbuhan yang mampan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengesahkan semula komitmen kerajaan untuk memupuk persekitaran perniagaan yang dinamik dan berdaya tahan.

Dalam ucaptamanya, Yang Berhormat menekankan kepentingan perkongsian awam-swasta dalam memajukan pertumbuhan ekonomi, menggalakkan inovasi, mengukuhkan industri utama dan menyumbang kepada wawasan ekonomi jangka panjang negara di bawah Wawasan Brunei 2035.

Sementara itu, Ketua Pegawai

Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui dalam ucapan alu-aluannya menggariskan kepentingan institusi kewangan dalam memupuk ekonomi yang berdaya tahan, menekankan peranan penting mereka dalam membolehkan pertumbuhan perniagaan, inovasi dan pelaburan.

"Baiduri Bank berbesar hati untuk menjadi tuan rumah Meja Bulat Ekonomi Brunei buat kali kedua, menegaskan semula komitmen kami untuk menyokong platform yang memudahkan perbincangan bermakna tentang ekonomi pertumbuhan, pelaburan, dan pembangunan perniagaan di Brunei," ujarnya.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Industri Brunei Darussalam dan

Ahli Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei, Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad, pula menekankan kepentingan kerjasama serantau dalam ASEAN dalam membuka kunci perdagangan baharu dan peluang pelaburan untuk Brunei.

Beliau menyatakan, Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN memilih tema 'Menyatukan Pasaran untuk Kemakmuran Bersama' dan menawarkan peluang penting untuk pelaburan, perdagangan dan pengembangan perniagaan untuk sektor swasta Brunei.

Menyuarakan sentimen integrasi ekonomi serantau, Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji

Ibrahim, juga selaku Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei, mengongsikan mengenai peluang yang diberikan oleh rangkaian ekonomi APEC yang luas.

Beliau menyatakan, tema ABAC Korea untuk tahun ini ialah 'Bridge. Business. Beyond'.

"Ini mencerminkan komitmen ABAC untuk mengukuhkan integrasi ekonomi, penyelesaian yang diterajui perniagaan, dan ketersambungan rentas sempadan di rantau Asia-Pasifik," ujarnya.

Beliau juga menekankan usaha berterusan APEC BAC Brunei untuk menyokong dasar yang menggalakkan liberalisasi perdagangan dan pertumbuhan pelaburan untuk sektor swasta Brunei.

Pakar industri dan pemimpin perniagaan terkemuka dari Datastream Digital (DST) Sdn. Bhd., Hibiscus Petroleum, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan ramai lagi berkumpul pada sesi Meja Bulat berkenaan, dengan tumpuan untuk membina ekonomi yang berdaya tahan, pelbagai dan dinamik.

Para peserta berkongsi perspektif mereka tentang prospek ekonomi untuk tahun hadapan, peluang utama untuk komuniti perniagaan dan cadangan dasar untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan ekonomi masa depan Brunei yang sedia.

Meja Bulat Ekonomi Brunei 2025 merupakan elemen Program Ekonomi Brunei yang dihoskan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC Negara Brunei Darussalam dan dengan kerjasama perniagaan terkemuka untuk menghubungkan isu global dengan ekonomi Brunei.

KUKUHKAN KERJASAMA NBD, MALAYSIA DALAM HAL-HAL PERUNDANGAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed

Taib menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Pembaharuan Institusi) Malaysia,

Yang Berhormat M. Kula Segaran di Bangunan Undang-Undang, hari ini. Lawatan ini adalah sebahagian daripada inisiatif Bahagian Hal



YANG Berhormat Peguam Negara menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Pembaharuan Institusi) Malaysia, Yang Berhormat M. Kula Segaran (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, melawat Negara-negara ASEAN sempena Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN 2025.

Semasa kunjungan hormat tersebut, Yang Berhormat Peguam Negara dan Yang Berhormat M. Kula Segaran membincangkan peluang untuk mengukuhkan lagi kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia dalam hal-hal perundangan dan institusi.

Fokus utama perbincangan mereka adalah untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang perundangan seperti

dalam Timbang Tara Komersial dan Pengantaraan Antarabangsa.

Kedua-dua pihak juga meneroka cara untuk meningkatkan kerjasama, memupuk perkongsian pengetahuan dan menyokong usaha pembangunan kapasiti, dengan matlamat utama untuk mewujudkan rangka kerja yang akan memberi manfaat bersama kepada kedua-dua negara.

Turut hadir dalam kunjungan hormat itu ialah Peguamcara Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi dan pegawai-pegawai kanan dari Pejabat Peguam Negara.

PPDB anjur Doa Kesyukuran sempena Puja Usia DPMM

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



PEMANGKU Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran bertempat di Surau Polis Gadong (atas dan bawah).


GADONG, Isnin, 17 Februari. - Bersempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ke-51 Tahun, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bertempat di Surau Polis Gadong, baru-baru ini.

Berangkat dan hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris. Turut hadir, pengarah, timbalan pengarah, pegawai pemerintah daerah polis, ketua-ketua formasi, pegawai-pegawai kanan, anggota serta kakitangan PPDB.

Majlis yang dikendalikan oleh Badan Ugama Islam PPDB ini dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, L/Kpl 6569 Muhammad Zulhairi bin Omarali, diikuti dengan Doa Kesyukuran yang dibaca oleh DSP Muhammad Amerol bin Haji Metussin dan diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.



HALUAN

>> Muka 2

Seterusnya disebarkan, atas kerjasama dan sokongan padu yang berterusan daripada kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan pegawai-pegawai di setiap cawangannya, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei dan pegawai-pegawai di setiap formasinya, pegawai-pegawai penyelaras di setiap kementerian-kementerian, pegawai-pegawai daerah berserta pegawai-pegawai, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan wakil-wakil Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, para sukarelawan, sebahagian syarikat-syarikat swasta, Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Pengarah Penerangan dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa bagi Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam telah melancarkan proses pengangkutan, penyimpanan dan pengagihan.

Dalam hal ini, YSHHB, sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sokongan dan keterlibatan yang berterusan itu. Semuanya ini menunjukkan trend positif, mencerminkan tanda kesepakatan dan kesepaduan, di dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan atau projek dengan menjunjung kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melaksanakan dengan pendekatan mulia Whole of Government dan Whole of Nation. Mudah-mudahan penghayatan dan pelaksanaan pendekatan ini akan terus diamalkan dan menjadi sebahagian amalan soleh yang mendapat balasan pahala berganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Pada masa yang sama, semoga ia akan menambahkan lagi keberkatan dan limpahan rahmat kepada Negara Brunei Darussalam yang dicintai.

Bagi mengakhiri sembah alu-aluan Hamba Duli Tuanku ini, Hamba Duli Tuanku sekali lagi menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih setinggi-tingginya, Kehadapan Majlis Duli Tuanku.

Hamba Duli Tuanku menjunjung kurnia perkenan, bagi Hamba Duli Tuanku menyembahkan ucapan menjunjung kasih atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran Cheteria dan ucapan terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB dan juga kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras Majlis dan sekalian hadirin dan hadirat.

Hamba Duli Tuanku, dengan menyusun jari 10 jua, menjunjung beribu ampun, Kehadapan Majlis Duli Tuanku, sekiranya terdapat sorok langkah yang kurang manis dan apa jua kekurangan, dalam pengendalian majlis pada pagi ini.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

PERSIDANGAN BINCANG KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam semasa menghadiri Persidangan Kehakiman Pasifik yang diadakan selama empat hari bermula 9 hingga 12 Februari 2025 di Auckland, New Zealand (kanan dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Februari. - Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon telah menghadiri Persidangan Kehakiman Pasifik yang diadakan selama empat hari bermula 9 hingga 12 Februari 2025 di

Auckland, New Zealand. Tema Persidangan Kehakiman Pasifik 2025 ialah 'Memperkuh Institusi Kehakiman'.

Persidangan tersebut dihoskan oleh Badan Kehakiman New Zealand dan merangkumi topik termasuk kebebasan kehakiman dan kedaulatan undang-undang,



bentuk mahkamah masa depan, penggunaan teknologi, kepelbagaian kehakiman, pelantikan kehakiman, pluralisme undang-undang dan litigasi perubahan iklim.

Hadir pada persidangan tersebut

ialah ketua hakim negara, hakim dan pegawai kehakiman dari Badan Kehakiman Australia, Negara Brunei Darussalam, Cook Islands, Fiji, Perancis, French Polynesia, Guam, Kiribati, Marshall Islands, Micronesia, Nauru, New Zealand, Niue, Palau, Papua New Guinea, Filipina, Pitcairn Islands, Samoa, Singapura, Kepulauan Solomon, Tonga, Tuvalu, United Kingdom, Amerika Syarikat dan

Vanua.

Terdahulu, ucapan alu-aluan dan ucap-tama telah disampaikan oleh Ketua Hakim Negara New Zealand, The Right Honourable Dame Helen Winklemann GNZM.

Turut hadir, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Agung, Dayang Hajah Hazarena binti POKSJ DP Haji Hurairah bersama pegawai kanan kehakiman dari Mahkamah Besar.

Pendaftaran keputusan Peperiksaan SSSRU melalui SMS dibuka

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST). Progresif Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. dan Mach

Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) ingin memaklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) akan mula

dibukakan.

Calon-calun peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan ini adalah dikehendaki mendaftar terlebih dahulu melalui perkhidmatan SMS. Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar pada Selasa, 18 Februari 2025, pukul 10.00 pagi.

Pendaftaran melalui perkhidmatan SMS adalah dengan menaip KHEU (jarak) Reg (jarak) Nombor Pusat Peperiksaan (jarak) Nombor Indeks Calon dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd. Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima. Sehubungan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan talian masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi.

Melalui perkhidmatan ini, diharapkan akan dapat memudahkan para calon, ibu bapa atau penjaga mengetahui keputusan Peperiksaan SSSRU Tahun 1445H / 2024M secara individu dengan lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta terma dan syarat bagi perkhidmatan ini, bolehlah menghubungi MachTel melalui nombor talian +673 8671355 atau e-mel kheuresults@machbrunei.com.

Orang ramai perlu berurusan dengan ejen pelancongan berlesen

Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Jabatan Kemajuan Pelancongan merupakan pengawal selia bagi ejen pelancongan di Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu seperti yang terkandung di dalam Akta Pelancongan, Penggal 239.

Mana-mana syarikat atau individu yang menjalankan apa-apa jua aktiviti yang berkaitan dengan ejen pelancongan seperti yang terkandung di dalam Akta Pelancongan, Penggal 239 tanpa lesen yang sah maka ia adalah menyalahi undang-undang di bawah Seksyen 11 (1), Akta Pelancongan, Penggal 239.

Jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman iaitu denda tidak melebihi BND10,000 penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan berterusan denda maksimum BND100 setiap hari boleh dikenakan di bawah akta yang sama.

Untuk makluman, mana-mana syarikat yang berhasrat untuk mengendalikan sebarang aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan ejen pelancongan mestilah membuat permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mendapatkan lesen.

Seterusnya, bagi syarikat yang sudah berlesen dan bercadang untuk mengendalikan perkhidmatan haji ataupun umrah hendaklah mendapatkan kebenaran dari Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dalam hubungan ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk hanya membuat urusan dengan ejen-ejen pelancongan yang berlesen bagi sebarang tempahan tiket, Pakej Percutian dan sebagainya sama ada di dalam ataupun luar negeri termasuk Pakej Haji dan Umrah.

Jabatan Kemajuan Pelancongan juga ingin mengongsikan kepada orang ramai senarai ejen-ejen pelancongan terkini yang berlesen di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan yang mana boleh didapati melalui laman sesawang www.tourism.gov.bn. Senarai ejen-ejen pelancongan tersebut akan sentiasa dikemaskinikan dan orang ramai digalakkan untuk sentiasa merujuk laman sesawang yang disediakan.

Jika ada sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan ejen-ejen pelancongan, orang ramai bolehlah menghubungi talian +673 2382805 atau +673 2382822 sambungan 2325 pada waktu pejabat ataupun berhubung melalui e-mel enforcement@tourism.gov.bn. Orang ramai juga boleh membuat aduan bagi ejen-ejen pelancongan yang disyaki tidak mempunyai lesen yang sah menerusi talian dan e-mel yang sama.



**Jangan Memandu Laju
Sentiasa Berwaspada**

**Keselamatan Jalan Raya bergantung
kepada ANDA dan SAYA**

Always Wear a seatbelt
No mobile phones while driving
Speeding is dangerous
Do not drive under influence
Wear helmet and proper attire while riding
Always watch out for other road users
Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

MPM Zon 1 Mukim Gadong 'A' dan 'B'

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Gadong 'A', 'B'

RIMBA, Isnin, 17 Februari. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Zon 1 Mukim Gadong 'A' dan 'B' juga tidak ketinggalan menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 dengan Acara Menaikkan Bendera, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Kawasan Lapang Gerai Rimba II di sini ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang

Mohammad Ali bin Tanjong.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Imam Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Rimba, Awang Idaham bin Hashim.

Pemangku Penghulu Mukim Gadong 'B', Awang Haji Hassan bin Haji Mohammad selaku Pengerusi Bersama kemudiannya menyerahkan bendera kepada

tetamu kehormat dan kemudian menyerahkannya kepada ketua kampung untuk dinaikkan. Sejurus acara menaikkan bendera tersebut tetamu kehormat seterusnya menyerahkan bendera kepada penduduk kampung yang terpilih.

Juga hadir, jemputan khas terdiri daripada Ketua Pengawasan Kejiranan, Penasihat-penasihat MPM, pemangku penghulu, ketua-ketua kampung, pemangku ketua kampung serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dan penerima-penerima bendera.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Kawasan Lapang Gerai Rimba II (kanan dan bawah).



Zon 4 Daerah Brunei dan Muara



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi Zon 4 Daerah Brunei dan Muara (DBM) telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Awang Amran bin

Berita dan Foto : Ihsan Zon 4 Daerah Brunei dan Muara

Haji Maidin, yang juga selaku Penghulu Mukim Lumapas.

Turut hadir sama ialah Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, yang juga selaku Ketua Kampung Putat dan Awang Lawi bin Haji Lamat, yang juga selaku Ketua Kampung Subok; penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di bawah Zon 4 DBM, Persekutuan

Pengakap Negara Brunei Darussalam dan pasukan koir dari Sekolah Rendah Bengkurong.

Acara juga diselajurkan dengan penyampaian bendera kepada mantan-mantan penghulu dan ketua kampung di Mukim Kilanas.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Ketua Kampung Kasat, Awang Haji E'riffin bin Haji Mohd. Yusof.

YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir pada Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi Zon 4 Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas (kiri dan bawah). Manakala gambar bawah kanan, sekitar upacara berkenaan.



Umrah Pada Bulan Ramadhan: Adakah Menyamai Haji?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

UMRAH hanya wajib dikerjakan sekali dalam seumur hidup bagi yang berkemampuan. Walau bagaimanapun, memperbanyak mengerjakan umrah adalah sunat kerana ia boleh menghapuskan dosa-dosa yang terjadi antara dua umrah yang dikerjakan sebagaimana hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: (Satu) umrah ke (satu) umrah adalah kaffarah (penghapus dosa-dosa) antara kedua-duanya (dua umrah).

(Hadits riwayat Muslim)

Waktu untuk mengerjakan umrah ini adalah pada bila-bila masa sepanjang tahun. Tidak ada waktu yang makruh untuk mengerjakannya sekalipun ia dikerjakan pada bulan-bulan haji, iaitu bermula 1 Syawal hingga 10 Zulhijjah atau dikerjakan pada bulan selain daripada bulan-bulan haji tersebut. Menurut para ulama, sunat mengerjakan umrah pada bulan-bulan haji dan juga pada bulan Ramadhan. Walau bagaimanapun, waktu yang afdhal untuk mengerjakan umrah itu adalah pada bulan Ramadhan.

Menurut Imam al-Qurthubi *Rahimahullah*, besarnya ganjaran pahala umrah pada bulan Ramadhan kerana besarnya kemuliaan bulan Ramadhan dan kerana terlalu sukar dan sulit mengerjakan umrah ketika sedang berpuasa, lebih-lebih lagi bagi orang yang mengerjakan umrah dengan berjalan kaki ketika cuaca panas terik atau sangat sejuk.

Oleh yang demikian, memandangkan bulan Ramadhan merupakan waktu yang

afdhal untuk mengerjakan umrah, maka timbul persoalan adakah mengerjakan umrah pada bulan Ramadhan itu fadhilatnya seperti mengerjakan haji sebagaimana yang menjadi tanda tanya sebahagian orang? Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenai ini.

Dalam hadits yang diriwayatkan daripada 'Abdullah bin 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, beliau berkata bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam pernah memerintahkan seorang perempuan daripada golongan al-Anshar yang digelar Umm Sinan Radhiallahu 'anha untuk mengerjakan umrah apabila tiba bulan Ramadhan kerana umrah pada bulan Ramadhan itu menyamai haji sebagaimana sabda Baginda:

Maksudnya: Lalu jika tiba (bulan) Ramadhan maka engkau kerjakanlah umrah, sesungguhnya (pahala) umrah padanya (bulan Ramadhan) menyamai (pahala) haji.

(Hadits riwayat Muslim)

Dalam hadits lain pula daripada Umm Ma'qil Radhiallahu 'anha, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dengan jelas bersabda:

Maksudnya: (Pahala) umrah pada (bulan) Ramadhan menyamai (pahala) haji.

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Berkenaan dengan hadits umrah pada bulan Ramadhan menyamai haji ini, Imam Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-Bari* ada menukil pendapat Ibn al-'Arabi *Rahimahullah* yang menjelaskan bahawa hadits tersebut adalah *shahih* dan ia adalah kelebihan dan ni'mat daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ibn al-'Arabi *Rahimahullah* juga menjelaskan bahawa umrah boleh mencapai kedudukan haji dengan bergabungnya ia dengan bulan Ramadhan sebagaimana kata beliau:

Ertinya: Hadits umrah ini (adalah) *shahih* dan ia adalah kelebihan dan ni'mat

daripada Allah. Sesungguhnya umrah (dapat) mencapai kedudukan haji dengan bergabungnya (bulan) Ramadhan dengannya (umrah itu).

Di samping beberapa hadits mengenai umrah pada bulan Ramadhan menyamai haji ini, terdapat juga beberapa hadits lain yang menyebut bahawa mengerjakan umrah pada bulan Ramadhan seumpama mengerjakan haji bersama Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam antaranya ialah hadits daripada 'Abdullah bin 'Abbas Radhiallahu 'anhuma beliau berkata:

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda kepada seorang perempuan daripada (golongan) al-Anshar (yang) digelar Umm Sinan: "Apa (yang) menghalangmu untuk engkau mengerjakan haji bersama kami?" Beliau berkata: "Terdapat dua ekor unta milik bapa si Fulan (suaminya), dia dan anaknya mengerjakan haji (dengan menunggang) seekor (daripada) kedua-duanya dan (unta) yang lain hamba kami menggunakannya untuk mengairi (tanah)." Baginda bersabda: "Maka umrah pada (bulan) Ramadhan (seumpama) mengerjakan haji atau haji bersamaku."

(Hadits riwayat Muslim)


Berdasarkan hadits-hadits dan penjelasan di atas ini, dapat disimpulkan bahawa umrah pada bulan Ramadhan itu menyamai haji, bahkan mengerjakannya pada bulan tersebut seumpama mengerjakan haji bersama Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam.

Maksud Umrah Pada Bulan Ramadhan Menyamai Haji

Ibn al-Mulaqqin *Rahimahullah* dalam kitabnya *at-Taudhih li Syarh al-Jami' ash-Shahih* menjelaskan bahawa haji yang disamakan dengan umrah pada bulan Ramadhan itu ialah haji *tathawwu'* (sunat).

Persamaan umrah pada bulan Ramadhan dengan haji tersebut bukan bermaksud pada semua perkara, akan tetapi cuma pada sebahagian perkara sahaja sebagaimana dijelaskan oleh Ibn Khuzaimah *Rahimahullah*:

Ertinya: Dalam hadits ini (hadits mengenai umrah pada bulan Ramadhan menyamai haji) sesungguhnya sesuatu itu disamakan dengan sesuatu (yang lain) dan dijadikan (sesuatu itu) padanannya (sesuatu yang lain) jika (sesuatu itu) menyerupainya (sesuatu yang lain) pada


 IRSYAD HUKUM
 جِبَاتٌ مِّنْ كُلِّ جَانٍ
 Jabatan Mufti Kerajaan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam
 Website : www.mufti.gov.bn
 E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

sebahagian makna tidak (pada) kesemuanya, kerana sesungguhnya (mengerjakan) umrah (pada bulan Ramadhan) itu tidak tertunai dengannya haji fardhu dan tidak (tertunai juga dengannya haji) nazar.

Imam Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-Bari* menyimpulkan bahawa apa yang hendak dijelaskan oleh Ibn Khuzaimah *Rahimahullah* daripada perkataannya di atas ialah umrah pada bulan Ramadhan itu menyamai haji dari segi ganjaran pahala dan bukannya umrah pada bulan Ramadhan itu menjadi ganti haji dalam menggugurkan kewajiban haji kerana telah disepakati secara ijma' bahawa umrah pada bulan Ramadhan itu tidak memadai untuk menggantikan haji fardhu.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Minhaj fi Syarh Shahih Muslim* juga mengatakan perkara yang sama bahawa maksud umrah pada bulan Ramadhan menyamai haji itu adalah ia menyamai haji dari segi ganjaran pahala dan bukannya menyamai haji pada semua perkara. Sekiranya seseorang itu mempunyai kewajiban haji lalu dia mengerjakan umrah pada bulan Ramadhan, maka umrah yang dikerjakannya pada bulan Ramadhan itu tidak memadai untuk menggantikan haji fardhunya.

Demikian penjelasan mengenai umrah pada bulan Ramadhan yang menyamai haji.

منوجو كرىضائن الله MENUJU KEREDAAAN ALLAH كلولان قوسه دعوه اسلاميه

SETIAP manusia akan diuji dengan bermacam-macam jenis ujian yang berbeza. Setiap insan yang diuji oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* selalunya akan merungut, berputus asa malah ada yang mengambil jalan mudah dan singkat bagi menghadapi setiap ujian dengan perkara yang dilarang syarak.

Jiwa seorang Mukmin pastinya ditarbiyah untuk berhadapan dengan pelbagai ujian dan kesukaran.

Adakalanya ujian yang menimpa berbentuk kesenangan, kemewahan hidup, kejayaan dan sebagainya. Begitu juga dengan kesukaran dan kepayahan dalam hidup. Semua bentuk ujian ini akan menguji tahap keimanan seorang hamba dan menjadi pengukur sejauh mana kita bersyukur dengan apa yang telah dikurniakan. Sebagaimana terjemahan ayat dalam Surah Al-Baqarah, ayat 5 :

"Mereka itulah yang beroleh hidayah daripada Tuhan mereka. Dan mereka itulah yang mendapat kemenangan (dengan dimasukkan ke dalam syurga dan selamat dari seksa neraka)".

Manusia diuji kerana dirinya sudah mendapat perhatian di pandangan Allah. Pandangan kasih dan sayang pencipta

kepada hamba-Nya. Beruntunglah manusia yang sering diuji kerana hidupnya mendapat perhatian daripada Allah yang Maha Mengetahui mengapa ujian itu diberikan.

Ujian yang didatangkan itu kadang-kadang merupakan satu peringatan di atas kelalaian ataupun satu hukuman lantaran kesalahan dan tidak kurang juga hanya semata-mata ujian untuk menduga tahap kesabaran dan keimanan kita. Kita diuji dengan sesuatu yang kita mampu hadapi kerana yang Maha Mengetahui kemampuan dan keterbatasan kita hanyalah Allah yang Esa. Sesungguhnya Allah *Subhanahu Wata'ala* tidak menguji di luar kemampuan hambanya. Sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Al-Baqarah, ayat 286 yang terjemahan ayatnya :

"Allah tidak membebani seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa) : "Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau menghukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat (yang tidak terdaya kami menanggungnya) sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami apa yang kami tidak terdaya

memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami. Engkaulah Pelindung kami. Oleh itu tolonglah kami menghadapi kaum yang kafir".

Bagi orang yang punya segala kesenangan dan kemewahan, seharusnya di hati mereka tiada perasaan riak, sombong, takbur, dan kedekut kerana semua yang dimiliki itu adalah pinjaman Allah semata-mata. Apabila Dia menghendakinya semula, pasti Dia boleh menarik balik kesenangan itu dengan sekelip mata. Sedangkan bagi mereka yang tak punya apa-apa seharusnya tiada sekelumit pun perasaan kesal, dengki, iri hati dan rendah diri kerana Dia yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani boleh mengubahnya dengan membuka pintu rezeki. Tidak perlulah menyesali takdir, berasa iri dengan kesenangan orang lain dan tidak perlu merendahkan diri atas segala kekurangan, malah mereka harus bersyukur dengan kurniaan yang dianugerahkan kerana syukur itu adalah tanda iman. Apabila kita bersyukur, nescaya Allah akan menggandakan nikmatnya kepada kita.

Di antara dua ujian itu terselit satu persamaan iaitu bersyukur. Jika kita diuji dengan segala macam kesenangan nikmat duniawi kita perlu bersyukur. Begitu juga jika kita diuji dengan segala kekurangan duniawi, kita juga perlu bersyukur.

Dengan ujian yang dihadapi, Allah *Subhanahu Wata'ala* akan mengangkat martabat hamba-Nya yang sabar dalam menempuh bebanan yang diamanahkan kepadanya.

Banyaklah bersabar dalam menempuh segala ujian kerana ia mengandungi kebaikan dan hikmah disebaliknya. Lakukan sembahyang sama ada yang wajib mahupun yang sunat kerana kita boleh bermohon dan berdoa kepada-Nya untuk menyelamatkan kita dan meringankan bebanan kita. Seperti mana firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Al-Baqarah, ayat 45 yang terjemahan ayatnya :

"Dan mintalah pertolongan (kepada Allah *Subhanahu Wata'ala* atas segala pekerjaan kamu itu) dengan membanyakkan sabar dan melakukan sembahyang. Dan sesungguhnya sembahyang itu sangatlah berat (mengerjakannya) melainkan bagi orang-orang yang khusyuk."

Allah menjanjikan hamba-hamba-Nya yang beramal soleh dengan keuntungan yang tiada nilainya di bumi ini. Andai sebelum ini hati kita sering mengeluh dengan ujian yang diturunkan, muhasabahlah diri dengan penuh keinsafan.

Kesimpulannya, walau apa jua ujian yang diberikan kepada kita, baik hidup senang atau susah, kita hendaklah bersyukur. Bagi yang senang tidak perlu menghinakan yang susah dan yang susah tidak perlu mencemburui yang senang. Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui segala-galanya tentang hamba ciptaan-Nya dan Dia tidak membebani kita melainkan dengan beban yang mampu ditanggung oleh kita.

Nikmat ujian



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[KA01, M03 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen
Tawaran Pada:**
4 Mac 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup :
11 Mac 2025. (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam :
12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 006 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penyewaan Jentera
Angkat Susun Bagi Stor Kimia
Sinarubai, Loji Rawatan Air Bukit
Barun, Layong, Mengkubau,
Sumbiling Dan Batang Duri
(Tawaran Semula)

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
MOD Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
4 Mac 2025, Selasa
Tidak Lewat Dari
Jam 12.00
Tengah Hari.

Tarikh Tutup:
25 Mac 2025
(Selasa)

Tidak Lewat Dari
Jam 12.00
Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 06 / 2025

Nama Projek:
Pemeliharaan Lif Dan
Eskalator *Schindler*
Di Bangunan Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
4 Mac 2025, Selasa
Tidak Lewat Dari
Jam 12.00
Tengah Hari.

Tarikh Tutup:
25 Mac 2025,
Selasa

Tidak Lewat Dari
Jam 12.00
Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 07 /
2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Peralatan Hawa Dingin
Di Bangunan Lama Jabatan
Biro Mencegah Rasuah,
Jalan Pembangunan

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
The Supply, Installation And
Comissioning Of Emergency
Console Workstation Position
For VCCS System At Air Traffic
Service Centre,
Department Of Civil Aviation.
ATELS / 2025 / SH-03

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
19 Februari 2025, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
4 Mac 2025,
Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
5 Mac 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari)

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Tajuk Tawaran:
To Supply, Install And Configure
Of New CCTV System At Brunei
International Airport and ATC,
Department Of Civil Aviation
ANS / 2024 / SH-04(R)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
19 Februari 2025,
Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
4 Mac 2025,
Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
5 Mac 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari)

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JPI / 01 / 2025

Tajuk :
To Conduct Carrying
Capacity Assessment for
Sustainable Aquaculture
at Current Fish Cage
Culture Inshore Sites,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa,
8 April 2025.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**MOE / LTK / 112 / 2024 / 2025
(JPPE-FEB-2025)**
Renovation And Upgrading
Works For Pusat Kecemerlangan
Pendidikan Inklusif
"Center Of Excellence (COE)"
Sekolah Rendah Panaga,
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas :
II Atau III

Kategori :
B01 & E01

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran :**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
5 Mac 2025.
(Rabu)

Tarikh Tutup Dan Waktu :
11 Mac 2025 - Selasa
[Tidak Lewat Jam
12.00 Tengah Hari]



**MOE / LTK / 113 / 2024 / 2025
(JPPE-FEB-2025)**
Upgrading Works To Multi
Purpose Hall At Anthony Abell
College, Seria, Belait District,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas :
III Atau IV

Kategori :
B01 & E01

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :**
BND50.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
5 Mac 2025 (Rabu)

Tarikh Tutup Dan Waktu :
11 Mac 2025 - Selasa [Tidak
Lewat Jam 12.00 Tengah Hari]



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL
EHWA DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran
Sebut Harga:**
03 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Tawaran Sebut Harga
Membekalkan Catuan
Makanan Bagi Penjara
Lelaki Maraburong Fasa 3
(Bagi Tempoh 3 Bulan)

Yuran Tawaran:
-

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
11 Mac 2025.
(Tidak lewat dari
Jam 2.00 Petang)



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 12
/ 2024-2025 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Perkhidmatan Pengawal
Keselamatan (Security Guard
Services) Ke Atas Bangunan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan Selama
2 (Dua) Tahun

Tarikh Tutup Sebut Harga :
13 Mac 2025, Khamis.
Jam 12.00 Tengah Hari.

Tarikh Taklimat:
3 Mac 2025, Isnin.
Jam 9.00 Pagi.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian





**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
JBBSB / SH / 2024-2025 /
69 / UP / 17

Tajuk Sebut Harga:
Penyelenggaraan
Sistem Penggera Kebakaran,
Sistem Pam Dan Hosereel
Di Bangunan City Hall,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan
Satu Tahun Kontrak
Bagi Tahun 2025

**Hari, Tarikh
dan Jam Tutup:**
Khamis,
27 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Dan Rujukan
Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 /
MAB / TA / 17
Penggantian Point To Point
Microwave Link Bagi
Pemeliharaan Combat Network
Raio (CNR) Backbone

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggu sebelum Tarikh
tutup tawaran iaitu
**Selasa,
4 Mac 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
11 Mac 2025.
12.00 Tengah Hari.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / GSU / 0 05
[JPPK / LTK / 26 / 2024]
Eight (8) Months Term Contract
For The Planned Preventive
Maintenance And Repair Works
Of Air-Conditioning And Fire
Alarm Systems For Sungai Akar
Camp And Associated Facilities,
Gurkha Security Unit

Tarikh Mula Tawaran:
3 Februari 2025.

Kelas:
III dan Ke atas Sahaja

Kategori:
M01 atau KPME05

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lapan (8) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran Dokumen
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan) :**
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran
adalah **Selasa,
18 Februari 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
11 Mac 2025. (Selasa)
12.00 Tengah Hari.



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2024 /
AP / TA / 01
Pembelian Kelengkapan
Training Aids Technology

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran
adalah satu (1) minggu
sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu
**Selasa, 25 Februari 2025.
(Jam 2.00 Petang)**

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
11 Mac 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.



Description of Tender:
Supply, Delivery, Installation,
Testing and Commissioning
of Bariatric Patient Bed for
Ministry of Health

Time Period of Tender:
-

**Department / Division / Unit
Requesting Tender:**
Department of Healthcare
Technology

Fees:
BND 10.00

Focal Person:
Nuramaliah binti Haji Jamaluddin
Biomedical Engineer
Ministry of Health
Negara Brunei Darussalam
**Email: nuramaliah.jamaludin@
moh.gov.bn**

Reference of Tender:
KK / 44 / 2025 / JPK(TC)

Description of Tender:
The Provision of Cleaning
Services for Cleaning & Grass
Cutting Services for Pengiran
Anak Puteri Hajah Mutawakillah
Hayatul Bolkiah Rimba Gadong
Health Centre For A Period of
Three (3) Years

Time Period of Tender:
3 Years

**Department / Division / Unit
Requesting Tender:**
Department of Health Services

Fees:
BND 30.00

Focal Person:
Procurement Officer
Department of Health Services
Ministry of Health
Negara Brunei Darussalam
Contact No: +6732381640

Iklan Tarikh Pindaan

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 160(4)
The Supply of Paints and
Accessories for The Royal
Brunei Air Force Aircrafts -
Five (5) Years Contract

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Terakhir Pembelian
Borang Tawaran
Dilanjutkan Kepada **Khamis,
13 Februari 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
11 Mac 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.

Iklan Tarikh Pindaan

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 197 (5)
Supply Of Ration Food Packet for
The Royal Brunei Armed Forces –
Five (5) Years Contract

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang
Tawaran adalah
**Selasa,
25 Februari 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
25 Mac 2025.
Jam 2.00 Petang.

Reference of Tender:
KK / 45 / 2025 / HTD

Description of Tender:
Replacement and Deployment
of a High-Performance
Storage Area Network (SAN)
System at RIPAS Hospital

Time Period of Tender:
-

**Department / Division / Unit
Requesting Tender:**
Department of Healthcare
Technology

Fees:
BND 30.00

Focal Person:
Mohammad Eswady bin Brahim
Penganalisa Sistem
Bahagian Informatik Kesihatan
Jabatan Teknologi Penjagaan
Kesihatan
Kementerian Kesihatan
Contact No:
+673 2381640 ext 7773
Email:
eswady.brahim@moh.gov.bn

**Closing Date Not Later Than
2.00PM:**
25 February 2025.



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Reference of Tender:
KK / 41 / 2025 / JPK(TC)

Description of Tender:
Clinical / Biohazard Waste
Collection and Incineration
Services for Jerudong Health
Clinic, Maraburong Medical Clinic
and Al-Islah Medical Clinic,
Department of Health Services
for A Period of Three (3) Years

Time Period of Tender:
3 Years

**Department / Division / Unit
Requesting Tender:**
Department of Health Services

Fees:
BND 10.00

Focal Person:
Procurement Officer
Department of Health Services
Ministry of Health
Negara Brunei Darussalam
Contact No: + 673 2381640

Reference of Tender:
KK / 42 / 2025 / HTD

Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

Universiti Brunei Darussalam

Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41 yang diadakan di universiti berkenaan (atas dan kiri).

Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan', dipersembahkan oleh Kelab Koir UBD, mengisi suasana dengan penuh kebanggaan dan perpaduan. Kelab Koir UBD turut menyampaikan dua buah lagu patriotik, menambahkan lagi suasana kemeriahan acara tersebut.

Majlis bertujuan untuk menyemai rasa patriotisme dan semangat kecintaan pada negara dalam kalangan warga mahasiswa / mahasiswi UBD khususnya. Turut hadir, pegawai-pegawai utama, kakitangan akademik serta pelajar tempatan dan antarabangsa yang mengikuti pengajian di UBD.

TUNGKU LINK, Selasa, 18 Februari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena

dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41 yang diadakan di universiti berkenaan, petang tadi. Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Naib

Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle. Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan kemasukan Ahli-ahli Platun Kadet Tentera UBD untuk Upacara Menaikkan Bendera.

Program Ziarah Mahabbah : Mengukuhkan silaturahmi pelajar UNISSA, komuniti setempat



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir selaku tetamu kehormat pada Program Ziarah Mahabbah (PZM) Ke-10.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah berjaya menganjurkan Program Ziarah Mahabbah (PZM) Ke-10 yang berlangsung selama tiga hari bermula 14 hingga 16 Februari 2025 di Kampung Menunggol.

Pada tahun ini, program bertemakan 'Mengutamakan Kepedulian, Mewujudkan Impian' dan merupakan inisiatif tahunan pelajar FEKIm, UNISSA Tahun 1 dan Tahun 3.

Antara tujuan program berkenaan adalah untuk

mengukuhkan silaturahmi pelajar UNISSA dan komuniti setempat melalui aktiviti keagamaan, kemasyarakatan dan pendidikan. Selain itu, ia memberi peluang kepada para pelajar untuk menimba ilmu dan pengalaman dalam kerja amal serta khidmat sosial, selaras dengan nilai-nilai keprihatinan dan kesukarelawanan.

Pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang program termasuk Kempen Kebersihan Masjid, aktiviti sukan bersama pelajar Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampung Menunggol, sesi pembentangan dan motivasi serta Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis kemuncak program diadakan pada Ahad, 16 Februari 2025 dengan penyerahan sumbangan bantuan kepada lima keluarga terpilih dari Kampung Menunggol. Bantuan yang diberikan berupa wang dan keperluan asas bagi membantu keluarga-keluarga berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai eksekutif UNISSA, pegawai-pegawai BIBD, tenaga akademik dan kakitangan FEKIm serta Ketua Kampung dan Imam Masjid Kampung Menunggol.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti

dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Program, Awang Muhammad Fitri Yatimi bin Mahdzidi.

Acara turut diisikan dengan sesi Ceramah Khas yang disampaikan oleh Penolong Profesor, FEKIm, UNISSA, Dr. Kamaru Salam bin Yusof, yang bertajuk 'Harapan Di Tengah Kesulitan : Allah Tidak Akan Membebakan Hamba-Nya Melebihi Dari Kemampuannya' yang banyak memberi pengajaran tentang kesabaran dalam menghadapi ujian hidup dan pentingnya sikap pemedulian dalam masyarakat.

Program diteruskan dengan sesi penyampaian cenderamata kepada penceramah, diikuti dengan penyerahan sumbangan

bantuan. Penyampaian cenderamata juga disampaikan kepada wakil BIBD, Ketua Kampung dan Imam Masjid Kampung Menunggol sebagai tanda penghargaan atas sokongan mereka terhadap program berkenaan.

Majlis diakhiri dengan Doa Penutup dipimpin oleh Awang Muhammad Syahmi Aiman bin Awang Asrol, mahasiswa Tahun 3 FEKIm.

Dengan kejayaan program berkenaan, diharapkan inisiatif PZM-10 dapat diteruskan pada masa hadapan untuk terus memberi manfaat kepada masyarakat dan memperkukuh nilai-nilai keprihatinan serta kerjasama dalam kalangan pelajar UNISSA.

YOUNG INNOVATIVE LEADERS JOHAN CABARAN TVET KE-2

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Isnin, 17 Februari. - Pasukan Young Innovative Leaders dengan projek bertajuk 'Kinetic Tiles' muncul johan bagi Cabaran Keusahawanan dan Inovasi TVET Ke-2 anjuran Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Naib juara pula disandang oleh Pasukan Bunga dengan tajuk projek 'Thrifting App for Clothes' dan Pasukan Titans pula tempat ketiga dengan tajuk projek 'Hijau Points, a gamified waste management app'. Hadir bagi menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pengetua IBTE, Awang Armi Durani bin Haji Durahman.

Cabaran Keusahawanan dan Inovasi TVET Ke-2 adalah sebuah acara berbentuk 'hackathon' yang bertujuan untuk menggalakkan inovasi dan kerjasama dalam kalangan pelajar IBTE.

Dianjurkan oleh Sekolah Perniagaan IBTE, pertandingan ini menghimpunkan pelajar daripada pelbagai disiplin untuk membangunkan penyelesaian inovatif terhadap cabaran kelestarian.

Acara ini telah berlangsung bermula dari 10 Februari hingga 17 Februari 2025, bertempat di IBTE Learning Advancement and Innovation Hub (LEAD-IN Hub), Jalan Pasar Baharu, Gadong, di sini.



PARA pemenang Cabaran Keusahawanan dan Inovasi TVET Ke-2 anjuran Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) semasa bergambar ramai.

Cabaran TVET ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran penting bagi kejayaan dalam ekonomi yang dinamik. Melalui cabaran ini, pelajar diharap akan dapat membangunkan pemikiran keusahawanan dan kecekapan inovasi.

Di samping itu, ia juga dapat menggalakkan kerjasama antara disiplin, di mana pelajar daripada latar belakang TVET yang berbeza bekerjasama untuk mencipta penyelesaian inovatif serta meneroka peluang dalam ekonomi

hijau dengan menangani cabaran kelestarian dunia nyata.

Tema tahun ini, 'Kelestarian & Inovasi dalam TVET,' selaras dengan matlamat kelestarian global dan serantau, memastikan pelajar memberi sumbangan bermakna terhadap cabaran abad ke-21. Peserta akan memperoleh pengalaman langsung dalam menyelesaikan masalah, pemikiran kreatif dan pembangunan prototaip.

Seminggu Inovasi dan Kerjasama Cabaran ini akan merangkumi bengkel intensif, sesi

bimbingan, dan diakhiri dengan sesi pembentangan akhir, di mana pelajar akan membentangkan idea dan prototaip mereka kepada panel pakar industri dan juri.

Lapan buah sekolah IBTE akan mengambil bahagian dalam cabaran tahun ini dan diikuti oleh Sekolah Teknologi Maklumat & Komunikasi, Sekolah Bisnes, Sekolah Penerbangan, Sekolah Agro-Teknologi & Sains Gunaan, Sekolah Perkhidmatan Teknologi Bangunan, Sekolah Hospitaliti & Pelancongan, Sekolah Tenaga & Kejuruteraan Pusat dan Sekolah

Tenaga & Kejuruteraan Satelit.

Tiga pasukan terbaik menerima hadiah wang tunai dan pingat, juara membawa pulang wang tunai BND300 serta pingat emas, naib juara membawa pulang wang tunai sejumlah BND200 serta pingat perak. Manakala tempat ketiga menerima wang tunai sejumlah BND100 berserta pingat gangsa.

Acara ini dijayakan dengan kerjasama Brunei Innovation Lab (BIL), Shell LiveWIRE Brunei, Seria Energy Lab, Dynamik Technologies Sdn. Bhd., dan Future Energy Leaders (FEL).



MINDA PEMBACA

Kesan media sosial kepada kanak-kanak

TIDAK dapat dinafikan, kanak-kanak dan media sosial sukar untuk dipisahkan. Media sosial adalah platform dalam talian yang membolehkan para pengguna untuk berkomunikasi dengan pengguna lain, di samping dapat membentuk ikatan sosial secara maya.

Pada era globalisasi ini, media sosial seperti Instagram, Facebook dan TikTok telah menjadi sebahagian penting dalam kehidupan seharian manusia termasuk golongan kanak-kanak.

Antara kesan positif yang dapat diambil ialah peningkatan pengetahuan dan maklumat. Dengan era maklumat hanya di hujung jari, media sosial membolehkan

kanak-kanak untuk mengakses maklumat dengan cepat dan mudah. Mereka boleh menimba perkara baharu, mengikuti perkembangan terkini serta menambah ilmu pengetahuan.

Di samping itu, media sosial juga boleh melahirkan kreativiti dan ekspresi diri. Kanak-kanak dapat berkongsi bakat, idea dan kreativiti masing-masing. Hal ini dapat meningkatkan keyakinan diri dan memupuk minat mereka dalam pelbagai bidang.

Walaupun ia membawa banyak manfaat, namun terdapat juga kesan negatif yang perlu diberi perhatian. Antara kesan negatif yang dapat diambil ialah media sosial boleh membawa kepada ketagihan peranti

dan penggunaan yang berlebihan. Kanak-kanak menghabiskan terlalu banyak masa di media sosial sehingga mengganggu proses pembelajaran seterusnya membantutkan pembangunan sosial.

Selain itu, media sosial sering memaparkan kandungan yang tidak sesuai untuk usia kanak-kanak seperti keganasan, maklumat palsu dan buli siber. Kanak-kanak boleh mudah terpengaruh dan ia boleh merosakkan kesihatan mental mereka.

Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik serta memantau aktiviti seharian kanak-kanak. Antara cadangan tersebut adalah dengan memastikan kanak-kanak menggunakan media sosial secara

terkawal dan mengikut had masa yang ditetapkan. Ibu bapa juga digalakkan untuk mendidik kanak-kanak tentang bahaya media sosial dan cara melindungi maklumat peribadi.

Media sosial adalah platform yang berkuasa. Oleh sebab itu, penggunaannya mesti diimbangi dengan pendidikan dan pengawasan yang betul. Dengan bimbingan yang benar, kanak-kanak dapat memanfaatkan media sosial secara positif tanpa terdedah kepada bahaya yang tidak diingini.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Semai Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2025
2. 'Pendidikan Ugama Berperanan Menyemai Akhlak Mulia'. Tarikh Tutup : 26 Februari 2025
3. 'Hargai Khazanah Alam Semula Jadi'. Tarikh Tutup : 5 Mac 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

TINGKATKAN PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DALAM PENGGUNAAN BAHASA ISYARAT



SEKITAR Bengkel Asas Bahasa Isyarat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas (atas dan atas kanan), manakala gambar bawah, antara yang mengikuti bengkel berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan

BERAKAS, Isnin, 17 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan dengan kerjasama Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan (OKP) menganjurkan Bengkel Asas Bahasa Isyarat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas, baru-baru ini. Seramai 24 orang peserta terdiri daripada kakitangan bahagian perpustakaan di keempat-empat daerah di bawah DBP dan penuntut-penuntut IBTE dari Cosmopolitan College mengikuti bengkel berkenaan. Pemudah cara bengkel ini ialah

Pengiran Haji Norahalim BPHA Rahman selaku Yang Dipertua Persatuan OKP bersama ahli jawatankuasa dan biro-biro.

Tujuan utama diadakan adalah untuk mendekatkan warga OKU Pendengaran daripada masyarakat awam, di samping meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam penggunaan bahasa isyarat.

Selain itu juga, bagi memperkenalkan pelbagai kaedah komunikasi dengan OKU Pendengaran untuk memupuk sikap prihatin dalam diri individu sekali gus memudahkan interaksi dan pemahaman antara satu sama lain.



جائز فرانتين ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAJI HIRAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"



Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Warjar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Udang Sos Merah Kampung Pintu Malim

BAHAN-BAHAN :

100g udang hidup
1 ulas bawang holand
3 ulas bawang putih
2 sudu teh lada kisar
Garam, ajinomoto
Gula secukup rasa

Air asam jawa secukupnya

CARA MEMASAK :

Tumis bawang holand dan bawang putih sehingga kekuningan. Masukkan lada kisar secukupnya. Tumis

kesemua bahan sehingga pecah minyak. Kemudian masukkan udang hidup. Masukkan garam, ajinomoto dan gula ikut selera. Masukkan air asam jawa sedikit.

PROGRAM SUA MUKA BARIGAKAN MAKLUMAT, ISU SEMASA



TIMBALAN Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan manakala bagi pihak Kampung Jerudong 'A' diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'A', Awang Mohammad Nazmi Fa'iz bin Haji Abu Bakar.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

SENGKURONG, Selasa, 18 Februari. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum

balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi



SUASANA Program Sua Muka bagi Kampung Jerudong 'A', Mukim Sengkurong bertempat di Pejabat Penghulu dan Ketua Kampung, Mukim Sengkurong (atas dan kanan).

Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Jerudong 'A', Mukim Sengkurong bertempat di Pejabat Penghulu dan Ketua Kampung, Mukim Sengkurong.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, manakala bagi pihak Kampung Jerudong 'A' diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'A', Awang Mohammad Nazmi Fa'iz bin Haji Abu Bakar.

Turut hadir ialah Penghulu Mukim Sengkurong, Dr. Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman.

Program diisikan dengan penyampaian maklumat mengenai tatacara pengibar bendera kepada penduduk-penduduk kampung yang disampaikan oleh Jabatan Penerangan dan diteruskan dengan maklumat mengenai penggunaan Sistem Meter Baharu yang disampaikan oleh pihak Unified Smart Metering



TIMBALAN Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini semasa berucap pada program berkenaan.

System Sendirian Berhad (USMS).

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan

iaitu Komunikasi Bersemuka dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan prasarana, keselamatan dan kemudahan penduduk kampung.



SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 142

- B - Daerah Brunei dan Muara
- Kembalikan
- B - 8 cm

PEMENANG ALAI PINTAR 142 :

Nama : Nurzahrh Rania binti Md. Azrin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01-193486. Sekolah : Sekolah Menengah Menglait, Gadong

Nama : Muhammad Shah Fadzli bin Ali
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0126448-01. Sekolah : Sekolah Rendah Bendahara Lama

Nama : Muhammad Naimullah Wasef Al-Muntazim bin Khirur Rizal
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0142115-01. Sekolah : Sekolah Rendah PDNPJ Sengkarai, Tutong

SOALAN

ALAI PINTAR 143

SOALAN 19 FEBRUARI 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- $1000 + 532 + 20 = \dots$
 - 1552
 - 1225
 - 1120
- contoh pakaian yang dipakai dalam majlis perkahwinan.
 - Baju Cara Melayu
 - Baju Bomba
 - Baju Polis
- Banduan-banduan itu ditahan di dalam
 - penjara
 - makmal
 - kelas

TARIKH TUTUP : 27 FEBRUARI 2025

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.



Pengalaman menyambut Ramadan di NBD

Disediakan oleh : Bahagian Pemasaran dan Promosi, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Terjemahan oleh : Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan
Foto : Jabatan Penerangan

KETIKA tibanya bulan Ramadan yang mulia, suasana Negara Brunei Darussalam (NBD) berubah dengan diisi oleh aktiviti kerohanian, ukhuwah dan kekayaan budaya yang meriah. Bagi pelancong, Ramadan menawarkan peluang unik untuk menyelami budaya tempatan melalui pengalaman yang menyentuh hati dan tradisi yang diwarisi.

Tidak seperti destinasi yang lebih dikomersialkan, NBD menawarkan pengalaman Ramadan yang sebenar dan damai, dengan penduduk tempatan yang ramah dan mesra membuatkan setiap pengunjung berasa seperti di tanah air sendiri, sama ada meneroka tradisi atau menikmati keindahan negara.

Pada bulan Ramadan, makan dan minum di khalayak ramai pada waktu siang tidak dibenarkan sebagai tanda penghormatan kepada mereka yang berpuasa. Walau bagaimanapun, ini tidak seharusnya mengehadkan pengalaman pelancong. Banyak restoran dan kafe tetap dibuka, untuk membeli dan dibawa pulang dan mereka boleh membeli makanan dengan mudah, untuk dinikmati secara peribadi di penginapan mereka, memastikan mereka mempunyai pengalaman makan yang selesa dan sifat menghormati. Dengan merancang pilihan juadah iftar dan sahur yang pelbagai dan meriah, pengunjung boleh merasai sepenuhnya inti pati budaya Ramadan di Brunei sambil menghormati tradisi tempatan.

Selain daripada tempat-tempat yang mesti dikunjungi seperti Kampong Ayer, perkampungan air bersejarah; Muzium Alat Kebesaran Diraja, khazanah warisan diraja Brunei; dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanali Bolkiah, koleksi seni dan artifak Islam yang menakjubkan, pengunjung dibawa untuk menyelami sepenuhnya budaya sambutan Ramadan di Brunei.

Beginilah cara menyelami kemeriahan Ramadan di Brunei.

Mengalami detik berbuka puasa

1. Iftar Komuniti : Pengalaman menyenangkan dalam suasana kebersamaan dan berkongsi rezeki.

Petang Ramadan di Brunei bermula dengan iftar, berbuka puasa. Amalan harian ini adalah detik rohaniah dan kemasyarakatan yang kukuh yang dikongsi oleh keluarga, rakan dan juga orang yang tidak dikenali. Menyertai komuniti iftar di Brunei adalah lebih daripada sekadar berbuka puasa, ia merupakan jemputan yang menyentuh hati untuk menyelami semangat perpaduan, kemurahan hati dan tradisi budaya yang mentakrifkan bulan suci Ramadan. Perhimpunan ini, yang sering diadakan di ruang awam terbuka, membawa

orang ramai daripada semua lapisan masyarakat bersama-sama dalam momen kesyukuran dan renungan bersama.

Lazimnya, pada waktu menjelang iftar, penduduk tempatan akan berkunjung di sekitar Bazar Ramadan atau gerai makan berhampiran, memilih hidangan kegemaran mereka untuk berbuka puasa. Ramai juga memilih untuk memesan makanan dari restoran kegemaran mereka, mencuba kepelbagaian juadah untuk dinikmati bersama keluarga dan rakan-rakan. Aktiviti pra-iftar ini menambahkan kemeriahan dan kemasyarakatan pada hari itu, sambil semua orang bersiap sedia untuk menjamu selera bersama-sama pada sebelah malam itu.

Untuk merasai suasana Ramadan di Brunei, lawati tempat-tempat popular ini : Taman Mahkota Jubli Emas, Yayasan Food Street dan Medan Selera Jerudong Park.

2. Gerai Ramadan : Kepelbagaian juadah dan semangat kemasyarakatan yang mesra
Gerai-gerai Ramadan di NBD bukan hanya gerai makanan. Ia juga menjadi hab budaya, masyarakat dan perayaan yang meriah, dengan menjadi tumpuan pengunjung setiap petang sepanjang bulan suci Ramadan. Bazar yang sibuk ini, yang biasanya dibuka pada jam 2.00 petang, mesti dikunjungi oleh penduduk tempatan dan pelancong yang ingin merasai inti pati NBD semasa Ramadan.

Menawarkan hidangan pelbagai aroma dan rasa, deretan penjual makanan menjual pelbagai jenis makanan tradisional dan kontemporari yang luar biasa. Jangan lupa mencuba hidangan seperti Nasi Katok, Air Gelagah (jus tebu), Pais Daging (daging lembu berlemak yang diperap) dan sate yang sentiasa popular.

Untuk pengalaman Ramadan yang benar-benar meriah, kunjungilah lokasi yang meriah ini di NBD, di mana awda akan menemui gerai Ramadan yang sibuk : Pasar Malam Gadong, Bazar Ramadan di Stadium Negara Hassanali Bolkiah dan Bazar Ramadan yang popular di Batu Satu.

Tip untuk pelancong

Tiba di bazar lebih awal, kerana hidangan popular cepat habis! Penuhi selera awda dan sertai kemeriahan sambutan bersama-sama penduduk tempatan, bersiap sedia untuk iftar yang dinanti-nantikan.

3. Makan di luar : Keseronokan iftar di NBD

Terdapat banyak kedai makan menawarkan bufet dan set menu iftar istimewa, direka untuk memenuhi selera pengunjung untuk persiapan berbuka puasa. Daripada juadah tempatan seperti Ambuyat dan Pulut Panggang hinggalah kepada masakan antarabangsa, ada sesuatu yang

memuaskan setiap selera. Restoran dan hotel popular sering mempamerkan pelbagai hidangan, termasuk sup berperisa, pembuka selera yang enak, hidangan utama yang enak dan pencuci mulut seperti kuih seri muka dan kek lapis. Suasana di tempat makan ini mesra dan meriah, ketika keluarga, rakan dan pengunjung berkumpul untuk berkongsi hidangan dan meraikan detik beriftar bersama-sama. Beberapa tempat juga menyediakan hiasan bertema Ramadan dan stesen *live cook*, menambah kemeriahan. Jika awda sedang mencari tempat yang sesuai untuk menjamu selera semasa Ramadan, pastikan awda mengunjungi tempat popular ini : Tarindak D'Seni, Soto Pabo, Restoran Rumbia dan Pondok Seri Wangi. Tip : Untuk mengelakkan kekecewaan, buatlah tempahan lebih awal - terutama untuk tempat duduk - memandangkan penduduk tempatan dan pelancong berduyun-duyun ke restoran ini untuk iftar.

Selepas iftar

Solat Tarawih :

Untuk pengunjung beragama Islam, amalan ibadah di malam Ramadan ialah Solat Tarawih, yang dilakukan secara berjemaah di masjid-masjid di seluruh negara. Salah satu aspek yang paling indah dalam menghadiri Tarawih di NBD ialah rasa perpaduan dan kemasyarakatan. Penduduk tempatan sering tidak sabar-sabar untuk mengalu-alukan pelancong untuk turut berjemaah, bersama-sama meningkatkan keimanan.

Bagi pengembara bukan Islam, melawat masjid di NBD adalah peluang untuk mengagumi seni bina yang menakjubkan dan belajar tentang tradisi Islam. Lawatan sebaiknya dielakkan pada waktu solat, termasuk Tarawih, sebagai menghormati jemaah masjid yang ingin beribadah. Waktu melawat yang ideal ialah lewat pagi hingga awal petang, sebelum Solat Asar, atau sejurus sebelum iftar, di mana awda boleh menyaksikan persiapan untuk berbuka puasa bersama, mencerminkan kemurahan hati dan perpaduan budaya Brunei.

Pengunjung hendaklah berpakaian sopan, menutup aurat sebagai tanda hormat. Banyak masjid juga menyediakan jubah untuk mereka yang memerlukannya, memastikan semua orang dapat menikmati pengalaman menakjubkan ini sambil menghormati ruang ibadah.

Untuk merasai pengalaman aktiviti keagamaan sepanjang Ramadan, pertimbangkan untuk melawat masjid-masjid ini untuk Solat Tarawih : Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Jame' 'Asr Hassanali Bolkiah dan Masjid Ash-Shaliheen.

Bersantai di kafe NBD selepas berbuka puasa

Selepas iftar, terdapat juga pelbagai kafe NBD yang menawarkan suasana yang santai

untuk berehat, *recharge* dan berhubung dengan rakan dan keluarga. Apabila larut malam, suasana selesa kafe-kafe yang menarik di negara ini menyediakan tempat rehat yang tenang, menggabungkan minuman yang sedap, pencuci mulut yang menyelerakan dan ruang yang mesra pengunjung.

Sesetengah kafe juga menawarkan snek lewat malam dan makanan ringan, menjadikannya tempat yang bagus untuk berlama-lama dan berbual. Tempat melepak yang popular selalunya menampilkan bahagian dalam yang bergaya atau tempat duduk luar dengan pemandangan yang indah, mewujudkan suasana santai.

Selepas iftar, berehat dan nikmati kopi atau makanan ringan yang lazat di kafe yang disyorkan ini : Roasted Sip, Batches Coffee, Salt:ed Café, Erti Kafe dan Two Sons Backyard.

Membeli-belah untuk Hari Raya

Mencari baju kurung, Baju Melayu dan tudung dengan rekaan menarik pada harga diskaun yang tinggi. Pakaian yang dihiasi dengan sulaman halus, corak yang cantik dan warna yang menarik, tersedia sempena Sambutan Aidilfitri.

Terokai kedai yang menawarkan bahan mewah seperti campuran sutera, sifon dan kapas yang sesuai untuk pakaian sempena Aidilfitri. Kepelbagaian dan diskaun menjadikan Ramadan masa yang sesuai untuk membeli-belah pakaian yang ditempah khas.

Perhatikan Kain Tenunan Brunei, kain tenunan tradisional NBD yang indah. Terkenal dengan hasil rekaan tangan yang halus dan mewah, fabrik ini merupakan simbol kekayaan warisan NBD. Banyak kedai menawarkan promosi pada kain tenunan semasa Ramadan, menjadikannya peluang yang hebat untuk membeli fabrik ikonik ini untuk pakaian yang dibuat khas atau sebagai kenang-kenangan yang unik.

Untuk pakaian dan fabrik berkualiti tinggi awda di Aidilfitri, pastikan awda mengunjungi kedai ini : Nazmi Textile Mall, Firoz Jaya Silk House, YMRM Enterprise, Koleksi Husnaa dan Little Ummi.

Masa perpaduan, perayaan

Ramadan di NBD lebih daripada sekadar pemeliharaan agama; ia adalah masa perpaduan, penghayatan, dan perayaan tradisi bersama. Daripada menikmati kehormatan detik-detik iftar hingga bersiar-siar di bazar malam yang meriah dan bersiap sedia untuk menyambut Hari Raya, pengunjung akan mendapati diri mereka terpengaruh dengan pengalaman budaya yang tiada tandingannya.

Ramadan ini, ambil peluang untuk menyelami kekayaan warisan NBD dan cipta kenangan yang tidak dapat dilupakan.



AFSA gigih menyantuni Rakan Seliaan

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Ihsan Aftercare Support Association

SESEORANG yang telah dibebaskan setelah menjalani hukuman penjara sememangnya memerlukan sokongan dan bimbingan dalam proses reintegrasi semula ke dalam masyarakat. Banyak cabaran yang mereka perlu hadapi sebaik sahaja dibebaskan antaranya berdepan dengan stigma dan kecemasan sosial yang boleh menghalang mereka daripada menjalani kehidupan yang normal. Selain itu mendapatkan pekerjaan juga merupakan salah satu cabaran terbesar buat mereka kerana mungkin saja kebanyakan majikan mengelak untuk mengambil mereka bekerja disebabkan latar belakang mereka sebelumnya.

Oleh itu, pentingnya Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk memainkan peranan dalam membantu mereka. NGO bukan hanya membantu dalam aspek material, tetapi juga dalam membina semula keyakinan diri dan memberi mereka peluang untuk menjadi anggota masyarakat yang produktif. Tanpa sokongan ini, ramai yang mungkin kembali kepada kegiatan jenayah kerana kekurangan sokongan yang diperlukan untuk menjalani kehidupan yang positif.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) terdapat satu NGO yang dinamakan Persatuan Pemedulian Sokongan Selepas Penjagaan - Aftercare Support Association (AFSA). Ia merupakan satu pertubuhan bebas dan *non-profit organization*. Pada tahun 2018 AFSA ditubuhkan secara *pro tem* hingga tahun 2020. AFSA telah didaftarkan secara rasminya dengan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) pada 4 Ogos 2020.

Adapun tujuan penubuhan AFSA ialah bagi membantu Jabatan Penjara mengurangkan kemasukan berulang-ulang bekas-bekas penghuni; bekerjasama dengan rakan-rakan strategik untuk membantu mereka setelah dibebaskan; membantu dan menyantuni mereka agar dapat hidup dan bersosialisasi dalam masyarakat; membantu mereka mendapatkan pekerjaan yang setimpal

dengan kelayakan dan kemahiran mereka agar dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik dan kondusif; mengurangkan gejala-gejala sosial yang tidak diinginkan; menyahut Wawasan Brunei 2035 agar Rakan Seliaan (RS) dapat menjadi warga masyarakat yang berkualiti dan harmoni.

Program RS

Jawatankuasa AFSA merupakan peneraju dan aktif mengukuhkan Program RS. Untuk menyertai Program RS, keutamaan diberikan kepada bekas-bekas banduan yang keluar dari Jabatan Penjara (tamat menjalani hukuman di dalam Jabatan Penjara). Selain itu, ia juga dibukakan kepada belia-belia yang belum bekerja serta warga emas.

Sememangnya AFSA telah membuat beberapa inisiatif dengan mengukuhkan kerjasama dan membuat perundingan bersama agensi-agensi swasta dan kerajaan dalam memeduli dan menyantuni RS.

Pihak AFSA telah memeterai beberapa Memorandum of Understanding (MoU) dengan beberapa pihak swasta seperti berikut.

AE Jaya Enterprise merupakan Bengkel Pertukangan Tangan. Ia dikendalikan oleh RS. Beliau juga mengajar dan memberi peluang pekerjaan kepada RS. Pelanggan boleh menempah dan berurusan terus dengan perusahaan berkenaan.

Selain itu, pihak AFSA juga memeterai perjanjian bersama Medley House Productions iaitu agensi yang menyediakan kemahiran dan peluang pekerjaan dalam bidang lakonan, drama, *open theater* dan *theater operator*.

Syarikat Massutera Engineering Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang memberikan peluang pekerjaan seperti *technician*, *scaffolding*, mekanik dan kerja-kerja *offshore*.

Sumbangsih Group of Companies, agensi yang memberikan tempat operasi perniagaan seperti Bengkel Cuci Kereta AFSA di Sumbangsih Beribi dan gerai

makanan di 10 Gerai Sumbangsih. Bengkel Cuci Kereta AFSA dan gerai tersebut telah disediakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin. Ini telah dapat menyedia dan memberikan peluang pekerjaan kepada RS.

Pihak Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) juga tidak kendur-kendur memberikan sokongan dan bantuan kepada pihak AFSA secara *in-kind*.

Begitu juga dengan pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang sangat memberi sokongan dan komitmen yang padu kepada pihak AFSA bagi menyantuni dan membantu RS.

Selain pihak swasta, AFSA juga menjalin perjanjian kerjasama dengan Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi menyediakan tapak perniagaan di Jalan Residency. Alhamdulillah pihak kerajaan khususnya KHEDN juga memberikan sokongan dan kerjasama yang padu kepada pihak AFSA.

Dengan termentainya MoU dengan beberapa pihak, ini telah memberi peluang pekerjaan kepada RS. Selain itu, ia dapat mengeratkan silaturahmi dan kerjasama di antara AFSA dan agensi-agensi berkenaan. Ia juga dapat melahirkan rasa tanggungjawab dan keprihatinan positif terhadap keperluan dan kesusahan RS.

Pejabat Operasi AFSA

AFSA bersyukur kerana telah diberikan kebenaran menggunakan banglo di No. 73, Diplomatic Enclave, Simpang 336-52, Jalan Kebangsaan, NBD, sebagai Pejabat Operasi AFSA. Pada 29 Oktober 2024, pejabat ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff.

Setelah mempunyai pejabat sendiri, pihak AFSA dapat merancang pelbagai aktiviti yang bersesuaian dengan RS antaranya ialah :

Mendirikan Rumah Hijau / *Green House* bagi bertanam salad. Penanaman salad telah berhasil dituai sebanyak lima kali sejak

diusahakan pada bulan September 2024. Ini memberikan peluang pekerjaan kepada RS yang berminat dalam perkara ini.

Skim Hafazan Al-Quran bagi RS yang berhasrat menyambung dan meneruskan hafazan mereka di mana AFSA telah menyediakan bilik kelas untuk hafazan.

Mengendalikan bengkel / seminar / motivasi dan sebagainya untuk rakan strategik AFSA untuk mempertingkatkan kesedaran dan pengetahuan mereka dalam menangani kerenah RS yang kompleks.

Selain itu, AFSA juga dapat mengadakan bengkel bagi RS dari semasa ke semasa; mengadakan konsultasi bersama RS dan keluarga mereka; dan bagi RS wanita mengadakan projek pembuatan kuih-muih (kering).

AFSA juga mempunyai beberapa projek antaranya projek berbentuk keagamaan seperti Membaca Surah Yaa Siin dan Khatam Al-Quran, Program Usrah dan Berbuka Puasa dan Bertahlil. Bagi Projek Mengaji Al-Quran di Quranic Beribi, AFSA telah membiayai pengajian seorang RS di sana.

Projek berbentuk bantuan turut diadakan antaranya membantu RS bagi pembelian mesin rumput dan program perniagaan iaitu bagi mendapatkan gerai / petak perniagaan daripada jabatan bandaran, syarikat-syarikat dan lain-lain.

AFSA juga tidak ketinggalan membuat lawatan dalam dan luar negeri antaranya membuat lawatan ke Rumah Perantaraan di Semenanjung Malaysia, Singapura dan Sabah. Ini merupakan program berterusan AFSA.

Pihak AFSA terus berusaha dan berkolaborasi dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi membantu dan menyantuni RS dengan teratur dan bersistematik. Kerjasama semua lapisan masyarakat adalah sangat penting bagi menangani isu-isu RS. Ibu bapa dan keluarga juga amat penting dalam memainkan peranan bagi memberikan sokongan dan semangat yang berterusan kepada RS. Golongan ini mesti dibantu agar terus bersemangat meneruskan kehidupan dengan diberi peluang kedua.



JADIKAN DISIPLIN SEBAGAI PEGANGAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

PENERIMA Anugerah Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan, 14562 Pelatih Mohd. Alif Khan bin Othmawee.

TEMBURONG, Isnin, 17 Februari. - Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) adalah untuk membantu belia di negara ini menjadi lebih cemerlang, selaras dengan Dasar Belia Negara, yang menggabungkan dua perkara penting, iaitu membentuk jati diri belia Negara Brunei Darussalam (NBD) yang kuat serta melatih mereka dalam aspek fizikal dan disiplin.

Pelita Brunei sempat menemui bual dua penerima anugerah pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-13 yang berlangsung di Kem Latihan PKBN, Daerah Temburong, pagi tadi.

Penerima Anugerah Pelatih



Lelaki Terbaik Keseluruhan, 14562 Pelatih Mohd. Alif Khan bin Othmawee daripada Platon 12 semasa ditemu bual meluahkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas anugerah yang diterima.

Beliau tidak menyangka akan terpilih untuk menerima anugerah berkenaan, namun menganggapnya sebagai satu pencapaian yang bermakna.

Dalam masa yang sama, beliau berhasrat untuk terus mengamalkan segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh sepanjang tempoh latihan.

Menurutnya lagi, latihan di PKBN telah banyak membentuk dirinya menjadi lebih berdiskiplin, selain memantapkan ketahanan jasmani dan kemahiran dalam kawad.

menepati masa, serta bijak mengisi masa dengan perkara yang bermanfaat.

Tambahnya, segala disiplin dan nilai yang dipelajari akan dijadikan pegangan dalam kehidupan seharian selepas menamatkan latihan, demi membina masa depan yang lebih cemerlang.

Manakala penerima Anugerah Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan, 14563 Pelatih Annisha Suraya binti Razali daripada Platon 11 semasa ditemui melahirkan rasa syukur dan gembira atas anugerah yang diterima.

Menurutnya, latihan di PKBN telah banyak mendidik mereka menjadi individu yang lebih berdisiplin, selain memantapkan ketahanan jasmani dan kemahiran dalam kawad.

"Semua aspek ini bukan sahaja membentuk kekuatan fizikal tetapi juga membina ketahanan mental dan semangat berpasukan dalam kalangan pelatih," ujar Annisha Suraya lagi.

Sementara itu, Pelita Brunei

turut berkesempatan menemui bual salah seorang jurulatih yang telah berjaya menyertai kursus 'Train-the-Trainers' dalam usaha meningkatkan kemahiran kejurulatihan di PKBN.

Jurulatih Jasmani, 12108 Muhammad Hazim bin Ahmad Shahnawarrah, menjelaskan program berkenaan menuntut persiapan rapi dari segi mental dan fizikal, termasuk latihan larian sejauh 2.4 kilometer dalam tempoh 12 minit 30 saat.

Selain itu, beliau turut menjalani latihan penting seperti Standard First Aid (SFA) bagi menangani kecemasan, Kursus Fire Marshal untuk menghadapi situasi kebakaran, serta teknik mengajar berenang dan larian yang betul kepada pelatih.

"Semua ini bertujuan untuk

PENERIMA Anugerah Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan, 14563 Pelatih Annisha Suraya binti Razali daripada Platon 11.



memastikan saya bersedia menghadapi pelbagai cabaran sebagai jurulatih," ujarnya lagi.

Beliau turut melahirkan rasa syukur atas peluang yang diberikan untuk menjadi seorang jurulatih jasmani yang diiktiraf, sekali gus membimbing para pelatih ke arah kecemerlangan.

Dengan tempoh latihan selama 103 hari, beliau berharap agar semua pelatih dapat mengekalkan disiplin yang telah diterapkan oleh para jurulatih, bukan sahaja sepanjang latihan, malah dalam kehidupan seharian mereka selepas menamatkan program berkenaan.

Kongsi tip kerjaya dalam keusahawanan, pertanian



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) semasa mengadakan Taklimat Kerjaya : Eco Ponies Garden untuk pelajar dan Alumni UNISSA (atas dan bawah).

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

GADONG, Selasa, 18 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan


Jaringan Industri (OCeAN) telah mengadakan Taklimat Kerjaya : Eco Ponies Garden untuk pelajar dan Alumni UNISSA.



Seramai 43 orang peserta terdiri daripada alumni, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA mengikuti taklimat tersebut yang disampaikan oleh Dayang Nurul Fatimah binti Abdullah.

Antara yang dikongsikan adalah pelbagai pengalaman dan memberikan peserta pemahaman yang lebih mendalam mengenai Eco Ponies Garden, termasuk peluang kerjaya yang ditawarkan; mengenai tip kerjaya dalam bidang keusahawanan dan pertanian, peluang-peluang penempatan kerja serta kelebihan-kelebihan yang diperoleh daripada pengalaman tersebut.

Hasil taklimat ini diharapkan dapat memberikan manfaat dan faedah kepada para alumni, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh



dari taklimat kerjaya ini untuk memperluas perspektif mereka tentang sektor alam sekitar, kuliner dan keusahawanan.

MENINGKATKAN KECEKAPAN OPERASI, KESELAMATAN, KELESTARIAN SEKTOR TENAGA NBD



PENYERTAAN Sepakat Energy Services pada Pameran dan Persidangan Teknologi Petroleum (PTEC) Brunei 2025 berkenaan telah menghasilkan perkongsian strategik dengan Sky-Futures (Malaysia) Sendirian Berhad dalam memajukan teknologi tenaga serta memperkukuh kerjasama serantau dalam industri minyak dan gas (atas dan bawah).



Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Ihsan Sepakat Energy Services

BELAIT, Isnin, 17 Februari. – Sepakat Energy Services membuktikan daya saing yang tinggi dalam sektor tenaga dan kejuruteraan serta komitmen terhadap inovasi dan pembangunan mampan di negara ini.

Perkembangan yang membanggakan berkenaan terselrah menerusi penyertaan pada Pameran dan Persidangan Teknologi Petroleum (PTEC) Brunei 2025 kali pertama yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, baru-baru ini.

Penyertaan Sepakat Energy Services pada PTEC 2025 berkenaan telah menghasilkan perkongsian strategik dengan Sky-Futures (Malaysia) Sendirian Berhad dalam memajukan teknologi tenaga serta memperkukuh kerjasama serantau dalam industri minyak dan gas.

"Kerjasama ini merupakan satu langkah penting bagi Sepakat Energy Services sebagai sebuah syarikat perkhidmatan tenaga yang berkembang pesat yang berusaha meningkatkan kecekapan operasi, keselamatan dan kelestarian sektor tenaga di Negara Brunei Darussalam (NBD)," jelas Pengarah Urusan Sepakat Energy Services, Awang Mohd. Dzairenny bin Haji Muslim.

Menurutnya lagi, Sky-Futures Malaysia sebagai peneraju dalam penyelesaian pemeriksaan berasaskan dron dan analitik data yang canggih, turut memainkan peranan utama dalam membawakan teknologi terkini ke dalam industri tenaga.

Dengan menggabungkan kepakaran dan sumber daya katanya, kedua-dua buah syarikat

berkenaan berhasrat untuk memperkenalkan penyelesaian teknologi inovatif yang akan memberi manfaat kepada industri minyak dan gas di NBD, Malaysia dan peringkat global.

"Kejayaan perkongsian strategik ini adalah sebahagian daripada usaha untuk menyokong aspirasi dalam mempelbagaikan, memperkukuh serta memacu pertumbuhan sektor tenaga di negara ini," ujar Awang Mohd. Dzairenny lagi.

Sementara itu, Pengarah Operasi dan Kewangan Sepakat Energy Services, Dayang Hajah Noradzlianyati binti Haji Abd. Radzak pula melahirkan harapan agar kerjasama merentas sempadan berkenaan akan memperkukuh jaringan perniagaan antara syarikat tempatan dan Malaysia.

Menurutnya, perkongsian berkenaan juga mencerminkan visi bersama ke arah pertumbuhan mampan, kecemerlangan teknologi dan kerjasama serantau yang akan membantu membuka ruang kepada lebih banyak kolaborasi, seterusnya membentuk landskap tenaga di Asia Tenggara bagi masa depan.

PTEC 2025 menyediakan platform inovatif bagi pemain industri tenaga untuk mempamerkan kepakaran dan keupayaan dalam menyelesaikan cabaran industri minyak dan gas turut menyaksikan Sepakat Energy Services meraih tempat ketiga dalam pertandingan PTEC Hackathon 2025.

Rakan kongsi teknikal bagi Sepakat Energy Services termasuk Rototech, Claxton, Sky-Futures, NB Surveys Asia dan PresservSES juga menyertai PTEC Brunei 2025.

Operasi Sepadu Waspada kesan 2 kesalahan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. – Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Sepadu Waspada 01 / 2025 bersama dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran

Kebangsaan (JIPK) di Kampung Mata-Mata pada 12 Februari 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan

Gerai Menjual Nasi Biryani telah mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 112(2), melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing yang mana majikan telah menjalankan kegiatan lain daripada yang telah dibenarkan iaitu kegiatan kedai runcit tetapi menjalankan kegiatan Gerai Menjual Nasi Biryani dan Bab 86, tempat kegiatan dan tempat tinggal pekerja bukan di tempat yang diisytiharkan ke Jabatan Buruh.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menjalankan Operasi Sepadu Waspada 01 / 2025 bersama dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di Kampung Mata-Mata pada 12 Februari 2025 (atas dan kiri).

seperti menjalankan kegiatan yang selaras dengan kegiatan yang telah dibenarkan dan tempat kegiatan serta tempat tinggal pekerja hendaklah diisytiharkan ke Jabatan Buruh.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

AI MEMPERKAYAKAN PENDIDIKAN ASAS DI CHINA



BEIJING, 18 Feb. - "Confucius, adakah ungkapan 'Untuk belajar dan sentiasa mengkaji semula apa yang telah dipelajari, bukankah itu menggembirakan?' bermakna kita harus kerap mengulang kaji pelajaran kita?"

Di dalam kelas darjah empat Sekolah Rendah Xinyilu, Qinhuangdao, Wilayah Hebei utara China, seorang pelajar mengemukakan soalan ini kepada seseorang secara maya.

"Confucius" digital, memakai pakaian tradisional, menganggu perlahan dan menjawab, "Memang. Dengan meninjau semula apa yang telah dipelajari, seseorang boleh memperoleh pandangan baharu".

Dengan penyepaduan pembantu pengajar maya yang dikuasakan Kecerdasan Buatan (AI), tokoh sejarah kini boleh

"hidup semula" di dalam bilik darjah, menawarkan pelajar pengalaman pembelajaran yang menyenangkan dan interaktif.

Penyepaduan mendalam AI dan pendidikan akan membawa perubahan besar dalam model pendidikan dan cara sekolah diatur, kata Xue Lan, Dekan Kolej Schwarzman di Universiti Tsinghua. "Sebagai hab pembelajaran yang diperibadikan, AI menawarkan kemungkinan tanpa had."

Sekolah Menengah Tianjin Huiwen di perbandaran utara telah melalui tiga peringkat penerokaan dalam pendidikan Alnya.

Pada 2017, sekolah itu menganjurkan kelab sci-tech untuk melibatkan sekumpulan kecil pelajar yang berminat dengan AI, membolehkan mereka mencuba robotik dan pertandingan

lain yang berkaitan. Menjelang 2022, sekolah itu telah berazam untuk meluaskan jangkauan program pendidikan Alnya.

Sekolah itu mencipta kursus inovasi teknologi sains khusus yang meliputi robot, dron dan RoboMaster untuk mengembangkan kepelbagaian pendidikan AI.

Pada masa ini, AI telah disepadukan ke dalam pengajaran harian Sekolah Menengah Huiwen, berkhidmat sebagai pembantu yang membantu guru membawa pengalaman baharu kepada pendidikan tradisional.

Laluan pembangunan Huiwen dalam pendidikan AI adalah serupa dengan sekolah lain di China. Pendidik secara meluas mengukui kesan transformatif AI terhadap kecekapan bilik darjah.

"Sebagai sebahagian daripada

transformasi digital sekolah kami, setiap bilik darjah kini dilengkapi dengan papan interaktif pintar dan pembantu maya berkuasa AI, membolehkan interaksi manusia-mesin masa nyata," kata Pengetua Yao Hairong dari Sekolah Rendah Xinyilu.

"Ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pengajaran tetapi juga

dengan ketara meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran," tambahnya. — ©XINHUA



KANAK-kanak mencuba peranti bacaan berkuasa AI semasa 6th World Voice Expo di Hefei, Wilayah Anhui di Timur China.

Sistem komprehensif dilancarkan untuk lindungi pokok purba

BEIJING, 17 Feb. - China akan melancarkan inisiatif seluruh negara untuk menandai dan melindungi pokok purba dan terkenal, mengukuhkan status mereka sebagai 'khazanah negara hijau' dan 'peninggalan budaya hidup', seorang pegawai kanan National Forestry and Grassland Administration (NFGA) berkata.

Langkah itu susulan penggubalan peraturan peringkat kebangsaan pertama China untuk melindungi pokok purba dan terkenal, yang akan berkuat kuasa pada 15 Mac, Pengarah NFGA, Zhang Liming, dipetik sebagai berkata oleh laporan dalam Science and Technology Daily pada Isnin.

Zhang berkata peraturan itu sejajar dengan matlamat China yang lebih luas untuk membina 'tamadun ekologi' dan memelihara identiti budaya.

Peraturan mewujudkan rangka kerja undang-undang untuk tinjauan sumber, pemuliharaan dan pemeliharaan budaya, serta penalti akibat merosakkan aset semula jadi ini, menangani jurang dalam undang-undang sedia ada.

Mengikut peraturan, pokok purba adalah pokok yang berumur lebih daripada 100 tahun. Pokok yang terkenal, yang mempunyai kepentingan sejarah atau budaya, memainkan peranan penting dalam biodiversiti, warisan budaya dan kelestarian ekologi.

Tinjauan kebangsaan yang dijalankan dari 2015 hingga 2021 mengenal pasti 5.08 juta pokok purba dan terkenal di China, 246,600 daripadanya berada di kawasan bandar.

Hasil tinjauan menunjukkan bahawa majoriti pokok purba di China berumur antara 100 dan 299 tahun, berjumlah 987,500. Terdapat



POKOK-pokok cemara purba di bahagian Cuiyunlang dari sistem jalan purba yang dikenali sebagai 'Shudao' di Daerah Jiange, Bandar Guangyuan, Wilayah Sichuan, barat daya China.

160,300 pokok berumur antara 300 dan 499 tahun dan 68,200 pokok berusia lebih 500 tahun, termasuk 10,745 pokok lebih 1,000 tahun dan terutamanya, lima pokok lebih 5,000 tahun.

Mengenai daya hidup pokok itu, lebih sedikit daripada satu juta pokok dianggap normal, 157,700 lemah, dan 26,300 terancam, menurut tinjauan itu.

Peraturan membenarkan penggunaan sumber saintifik dan budaya yang terhad, seperti kajian genetik dan eko-pelancongan, dengan syarat kesuburan pokok tidak terjejas.

Walaupun kemajuan dicapai untuk melindungi pokok purba dan terkenal sepanjang dekad yang lalu, pembalakan dan pemindahan haram, penguatkuasaan yang tidak

teratur, jurang serantau dalam piawaian perlindungan, dan vandalisme sekali-sekala memerlukan perlindungan yang lebih kukuh, menurut Zhang.

Seterusnya, pihak berkuasa akan menjalankan satu lagi tinjauan kebangsaan untuk mengemas kini pangkalan data pokok, melaksanakan sistem pengurusan pintar untuk pemantauan 'satu pokok satu fail', dan mewajibkan penandaan seragam dan langkah perlindungan yang disesuaikan, kata Zhang.

Di samping itu, usaha juga harus dibuat untuk meneroka mekanisme pembiayaan, termasuk skim insurans dan sokongan fiskal pusat, sambil memajukan penyelidikan mengenai teknologi pemuliharaan. — ©XINHUA

Korea Selatan gantung muat turun aplikasi DeepSeek atas kebimbangan privasi

SEOUL, 17 Feb. - Kerajaan Korea Selatan pada Isnin menggantung sementara muat turun aplikasi kecerdasan buatan (AI) DeepSeek dari China berikutan kebimbangan mengenai amalan pengumpulan datanya.

Suruhanjaya Perlindungan Maklumat Peribadi memaklumkan bahawa perkhidmatan itu digantung pada petang Sabtu dan hanya akan disambung semula selepas penambahbaikan dan pembetulan dibuat selaras dengan undang-undang perlindungan maklumat peribadi Korea Selatan, lapor Agensi Berita Yonhap.

Bagaimanapun, pengguna sedia ada masih boleh mengakses aplikasi berkenaan, namun dinasihatkan agar berhati-hati.

"Mereka yang telah memuat turun DeepSeek dan menggunakannya di internet perlu berwaspada kerana terdapat risiko pencerobohan maklumat peribadi," kata Pegawai Suruhanjaya Nam Seok, kepada pemberita.

Tindakan ini diambil susulan beberapa Kementerian dan agensi kerajaan menyekat akses dalaman kepada perkhidmatan AI berkenaan ekoran kebimbangan mengenai pengurusan datanya.

Menurut laporan, suruhanjaya itu menyuarakan kebimbangannya terhadap DeepSeek dan syarikat berkenaan bersetuju untuk menggantung sementara perkhidmatan sehingga pembetulan dibuat.

Bulan lalu, suruhanjaya turut menghantar kenyataan rasmi kepada DeepSeek bagi mendapatkan penjelasan mengenai kaedah pengumpulan dan pengurusan data syarikat itu.

Sebagai tindak balas, syarikat berkenaan melantik wakil undang-undang di Korea Selatan dan mengakui terdapat kekurangan dalam pematuan undang-undang perlindungan data tempatan.

Ia juga menyuarakan kesediaan untuk bekerjasama sepenuhnya dengan suruhanjaya.

Sepanjang tempoh penggantungan ini, suruhanjaya berhasrat menjalankan penilaian menyeluruh terhadap amalan pengurusan data syarikat bagi memastikan pematuan sepenuhnya undang-undang berkaitan.

Selain itu, suruhanjaya turut berikrar untuk mengusulkan pindaan undang-undang bagi memperkukuh kawal selia terhadap syarikat berpangkalan di luar negara dalam kes serupa tanpa menjejaskan penggunaan AI. — ©BERNAMA

Kemajuan Afrika perang malaria terjejas

ADDIS ABABA, 17 Feb. - Para pegawai dan pakar kesihatan pada Ahad menggesa komitmen baharu dalam usaha Afrika menentang malaria, sambil memberi amaran bahawa kemajuan benua itu kini terancam akibat cabaran semula jadi dan buatan manusia, lapor Xinhua.

Gesaan itu disuarakan dalam satu taklimat peringkat tinggi mengenai malaria yang diadakan di luar Sidang Kemuncak Kesatuan Afrika (AU) ke-38 di Addis Ababa, Ethiopia.

Presiden Botswana Duma Boko yang berucap pada majlis itu

menegaskan bahawa kemajuan positif Afrika dalam memerangi penyakit berbahaya itu telah terjejas oleh pelbagai faktor, termasuk kekurangan dana serta bencana alam dan buatan manusia.

"Tugas kita amat mencabar dan mendesak. Kemajuan kita telah terhenti dan hakikatnya, kita tidak berada di landasan yang betul.

"Gabungan ancaman seperti kekurangan sumber, perubahan iklim, risiko biologi dan krisis kemanusiaan boleh menggagalkan usaha kita," kata Boko, yang juga bakal memegang jawatan pengerusi Perikatan Pemimpin

Afrika bagi Malaria (ALMA).

Beliau turut memberi amaran bahawa rantau Afrika Selatan kini bersiap sedia menghadapi peningkatan kes malaria berikutan hujan lebat yang mewujudkan lebih banyak tempat pembiakan nyamuk.

"Adalah mustahak untuk memperoleh sumber yang mencukupi bagi memerangi malaria dan menutup jurang kritikal ini dengan tenaga baharu.

"Afrika mesti segera bangkit menyahut cabaran ini dengan menggerakkan sumber dalaman, termasuk menggunakan dana

kecemasan dan meningkatkan peruntukan bajet kesihatan," katanya.

Laporan baharu mengenai situasi malaria di Afrika yang dilancarkan di luar Sidang Kemuncak AU mendedahkan bahawa, meskipun 1.8 bilion kes malaria berjaya dicegah dan 11.9 juta nyawa diselamatkan sejak 2000, kemajuan benua itu kini terbantut.

Laporan itu juga menyatakan bahawa benua Afrika kini berada pada "detik penentu" dalam perjuangannya membasmi malaria, dengan sasaran interim bagi 2025

semakin sukar dicapai, manakala impian menghapuskan malaria sepenuhnya menjelang 2030 semakin terjejas.

Pemangku Pengarah Serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Afrika, Chikwe Ihekweazu berkata negara-negara Afrika terus berdepan pelbagai cabaran yang menghalang penghapusan malaria.

Antara cabaran itu termasuk sistem kesihatan yang rapuh, pemantauan yang lemah, kekurangan dana kronik, serta rintangan terhadap ubat anti-malaria. — ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



COT JPKK JUARA KEJOHANAN BOLA SEPAK BAWAH 13 TAHUN

Berita dan Foto : Ihsan Kesatuan Pemuda Pemudi Kampung Sungai Kedayan



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. – Pasukan COT JPKK berjaya menjuarai Kejohanan Bola Sepak Bawah 13 Tahun (U-13) merebut Piala Dirgahayu 2025 anjuran Persatuan Bola Sepak Kesatuan Pemuda Pemudi Kampung Sungai Kedayan (KPPKSK).

Kejayaan pasukan akar umbi tercipta selepas mengalahkan Sport School Warriors sekali gus berada naib juara pada perlawanan akhir, manakala Dash Academy FT menduduki tempat ketiga.

Mohd. Zairul Ashraf Mandinee daripada COT JPKK memenangi Anugerah Penjaring

Terbanyak, sementara Awangku Md. Jimmy Rayyan Pengiran Md. Alismuddin daripada Sport School Warriors dipilih sebagai Penjaga Gol Terbaik kejohanan.

Hadir pada perlawanan berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, yang juga selaku Ketua Kampung Putat yang seterusnya menyampaikan pingat dan piala kepada pemenang di Padang Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Berakas, di sini.

Kejohanan U-13 berkenaan disertai oleh 10 pasukan yang dibahagikan kepada dua kumpulan.

Kumpulan 'A' diwakili oleh KPPKSK, PM FC, Shada FT, PB FA, dan COT JPKK, sementara Kumpulan 'B' dibarisi oleh Sport School Warriors, Dash Academy FT, Projek Ikan Pusu, Junior Soccer, dan PKT FT B.

Kejohanan U-13 berkenaan membuka peluang kepada para pemain muda untuk menonjolkan bakat di samping melatih pemain pelapis yang berpotensi tinggi.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Putat hadir pada perlawanan berkenaan yang seterusnya menyampaikan pingat dan piala kepada pemenang.

109 peserta sertai 3hrs Bang Dalam Night Trail Endurance Challenge

Berita dan Foto : Ihsan Othman Kamaluddin, Bang Dalam Runner Team

TUTONG, Isnin, 17 Februari. – Bang Dalam Runner Team dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Layong baru-baru ini menganjurkan 3hrs Bang Dalam Night Trail Endurance Challenge 2025 bertempat di trek larian (hiking), Kampung Bukit Bang Dalam, Daerah Tutong.

Penganjuran buat kali kedua berkenaan menarik minat 109 peserta dari dalam dan luar negara dengan enam orang daripadanya adalah peserta dari negara jiran, iaitu Kota Kinabalu, Sabah untuk sama-sama berentap bagi menguji tahap stamina, ketahanan fizikal dan mental secara individu.

Perlumbaan cabaran larian pada malam berkenaan dibahagikan kepada empat kategori, iaitu Kategori Lelaki Terbuka, Kategori Lelaki Veteran, Kategori Wanita Terbuka dan Kategori Wanita Veteran.

Para peserta perlu ulang alik selama tiga jam cabaran larian yang ditetapkan di sepanjang laluan trek sejauh 3 kilometer yang berbukit dan berbatu pada setiap pusingan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Penghulu Mukim Lamunin, Daerah Tutong, Awang Mohd. Jaafar bin Haji Tinggal.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang Ishak bin Haji Sabtu. Seterusnya, pelepasan larian bagi semua kategori dilancarkan oleh Pemangku Ketua Kampung Layong, Awang Mohd. Noh bin Haji Mohd. Taib.

Turut hadir ialah Penasihat MPK Layong, Awang Airwan bin Haji Abang, Ahli-ahli MPK Layong dan warga Kampung Bukit Bang

Dalam.

Pada pertandingan berkenaan, Arikchely Ariyl Arikah muncul sebagai juara bagi Kategori Lelaki Terbuka, sementara naib juara dan tempat ketiga, masing-masing dimenangi oleh Awang Shamsulleffandy dan Awang Junaidi.

Manakala bagi Kategori Lelaki Veteran pula, juara disandang oleh Guianus Salagan, sementara naib juara dan tempat ketiga, masing-masing dimenangi Awang Haji Jupli bin Haji Pangis dan Awang Haji Hassan bin Haji Kamis.

Sementara bagi Kategori Wanita Terbuka menyaksikan Dayang Norazimah menyandang juara, manakala Dayang Alea Abdullah dan Mailin Ripau, masing-masing di tempat naib juara dan tempat ketiga.

Juara bagi Kategori Wanita Veteran pula telah dimenangi oleh Kona Liau, manakala Dayang Husna Abdullah menduduki naib



PARA pemenang yang menyertai 3hrs Bang Dalam Night Trail Endurance Challenge 2025 semasa sesi bergambar ramai.

juara, sementara Bay Luke berada di tempat ketiga.

Turut diadakan pada malam berkenaan ialah penyampaian hadiah 1st Loop Terpantas Lelaki dan Wanita yang dimenangi oleh Awang Sifli Ahar dan Alea Abdullah dengan masing-masing mencatat masa 13 minit 52 saat dan 19 minit 25 saat pada pusingan yang pertama.

Juga disampaikan ialah hadiah bagi peserta termuda kepada

Dayang Dheya Aleya binti Khairul Azmee, berusia 11 tahun dan juga peserta warga emas kepada Awang Syawal bin Haji Piah, berusia 67 tahun.

Manakala, Best Support Crew diberikan kepada Munduk Runner Team Support Crew, sementara Best Lighting diberikan kepada Dayang Erna HA.

Acara diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama dengan tetamu kehormat majlis.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MUHASABAH LAH DIRI DENGAN PENUH KEINSAFAN